

PERCUMA

# Buletin Mutiara

珍珠快讯 · முத்துச் செய்திகள் · Berita Rakyat Pulau Pinang · Keluaran Jun 2011



## JANGAN POLITIKKAN INSTITUSI PENDIDIKAN

### KERAJAAN PR - PERUNTUKAN PENDIDIKAN RM12 JUTA UNTUK SEMUA



Sebelum : 'Wet Riser' berkarat



Selepas : 'Wet riser' baru

PEMBAIKAN yang dilakukan oleh Sekolah Rendah St. Xavier hasil daripada sumbangan Kerajaan Negeri PR.



FAKTOR kekurangan ruang memaksa para pelajar ini berkongsi ruang ampaian dengan ruangan mandi dan berwuduk di MMI.



WALAUPIUN serba kekurangan semangat untuk menimba ilmu tidak pernah luntur.

**"Sebelum ini tidak ada bantuan dari Kerajaan atau dari mana-mana agensi, tapi sejak dua tahun yang lalu, Alhamdulillah, kami mula menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri dan tahun lalu kami telah menerima RM95,000," Mudir (Pengetua) PPAIQ, Farizal Hamidon**

**B**ALIK PULAU : Baru-baru ini, Buletin Mutiara (BM) berkesempatan meninjau beberapa buah institusi pendidikan di Pulau Pinang yang dahulunya dipinggirkan kini menampakkan sinarnya. Ikuti tinjauan BM di Pusat Pendidikan Al-Itqan (PPAIQ), Jalan Kampung Masjid, Teluk Kumbar dan Madrasah Miftahul Irfan (MMI), Jalan Sungai Pinang, Balik Pulau di sini.

Tsunami politik yang melanda Pulau Pinang pada Mac 2008 yang lalu bukan sahaja memberi impak dalam pentadbiran Kerajaan Negeri malah turut membawa angin perubahan dalam pelbagai

aspek termasuk sosio-ekonomi, sosio-politik dan pendidikan. Malah, dalam hal kebajikan warga Pulau Pinang lebih dititikberatkan oleh kepimpinan Pakatan Rakyat (PR).

Menurut Mudir (Pengetua) PPAIQ, Farizal Hamidon, sejak PR mengambil alih tumpuk pemerintahan Kerajaan Negeri, banyak perubahan yang dapat dilihat di sekolah tersebut. Antara yang paling ketara sekali ialah pembinaan bangunan baru bagi pelajar peringkat menengah.

Sambung Muka Surat 2

### Menarik Di Dalam

Sidang DUN Dicemari Gelagat Demonstrasi Jalanan... ms.5

Resepi Keluarga... ms.18

Goji Rahsia Resepi CMR... ms.19

Wawancara : Setiausaha Perbandaran MPPP... ms.20

Wira Tidak Dikenali Terima Pengiktirafan... ms.21

Pantai Kuala Muda Kembali Ceria... ms.23

### Versi Bahasa Inggeris ms. 11 & 14



### Versi Bahasa Cina ms. 9 & 16



### Versi Bahasa Tamil ms. 10& 15



Dari Muka Surat 1

"Dahulu pelajar kami belajar dalam kontena sahaja. Kami letak sebelah padang, Sempit. Tapi sejak dua tahun yang lalu, pelajar kami kini miliki bangunan baru, lebih selesa, Alhamdulillah," ujar beliau.

Beliau menambah lagi, PPAIQ dahulunya dikenali sebagai Sekolah Agama Rakyat Al-Islah,



**FARIZAL Hamidon**

hanya terdiri daripada murid-murid tahun satu sehingga tahun enam. Namun, sejak tiga tahun yang lalu, PPAIQ telah mula mengambil pelajar sekolah menengah dan kini buat julung kali, pelajarnya bakal menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR).

"Sebelum ini tidak ada bantuan dari Kerajaan atau dari mana-mana agensi, tapi sejak dua tahun yang lalu, Alhamdulillah, kami mula menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri dan tahun lalu kami telah menerima RM95,000," ujar beliau.

Sokongan padu yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan para waris, menurut beliau, amatlah memberangsangkan. Beliau yakin bahawa, tindakan Kerajaan Negeri adalah untuk memartabatkan sekolah-sekolah agama rakyat, khususnya di bahagian pulau. Dahulu, bantuan melalui permohonan terpaksa memakan masa yang agak panjang dan ia bersifat tidak tetap. Namun kini, bantuan Kerajaan Negeri bukan sahaja meningkat malah kualiti pendidikan yang dituntut juga melonjak naik.

PPAIQ dibina pada tahun 1998, dahulunya dikenali sebagai Sekolah Rendah Agama Al-Islah. Sehingga kini, PPAIQ mempunyai 300 murid sekolah rendah dan 70 pelajar sekolah menengah dengan tenaga pengajar seramai 40 orang. PPAIQ juga berhasrat untuk membina bangunan sendiri atas tanah sendiri di tapak sekolah menengah seluas tiga ekar dengan anggaran kos sebanyak RM8 juta.

"Peruntukan yang diterima bukan sahaja untuk penyediaan makmal komputer dan multimedia, perpustakaan, peralatan sukan dan penyediaan peralatan makmal sains malah wang tersebut juga digunakan untuk menyediakan alat bantuan mengajar dan belajar untuk warga PPAIQ," tambah beliau lagi.

Beliau menyifatkan pemberian peruntukan pendidikan oleh Kerajaan Negeri adalah adil dan pemberian tersebut

adalah untuk memartabatkan institusi pendidikan. Beliau turut berpendapat bahawa, institusi



**TEOH Seang Hooi**

pendidikan tidak seharusnya dipolitikkan kerana institusi pendidikan jauh berbeza prospeknya dengan dunia politik.

"Sedih apabila terdapat sesetengah pihak yang mempolitikkan isu pendidikan. Seharusnya anak-anak kita mendapat mutu pendidikan yang terbaik, tak usahlah mempolitikkan segalanya," ujar beliau mengakhiri perbualan.

Bagi Naib Mudir MMI,



**KEADAAN bilik guru yang sesak dan kurang selesa di PPAIQ.**

Shamsudin, madrasah tersebut yang dibina hampir 20 tahun yang lalu, tidak menerima sebarang bantuan sejak tahun 2007 lagi. Kali terakhir adalah selepas bangunan baru dibina di tapak asas madrasah tersebut. Kini warga MMI mampu tersenyum apabila mereka akan mula menerima semula peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

"Kami perlukan bantuan kewangan untuk membina dewan solat, asrama dan kelas. Kelas yang sedia ada sekarang ni pun tidak mencukupi, terpaksa menumpang di kantin, bilik tetamu dan perpustakaan," ujar beliau.

Menurut Shamsudin, madrasah tersebut merancang untuk membina bangunan asrama memandangkan asrama yang sedia ada sangat padat dan kurang selesa.

"Kami merancang untuk menambah murid seramai 50 orang setiap tahun, tapi memandangkan kekangan logistik dan dana maka kami terpaksa menunggu," tambah beliau.

Mudir MMI, Mustafa berkata, tanah wakaf di hadapan bangunan MMI adalah untuk membina bangunan baru MMI. Tanah tersebut kini menjadi penempatan Mudir dan taman permainan buat warga MMI. Beliau amat berharap, dengan adannya bantuan dari Kerajaan Negeri, warga MMI dapat

menikmati sedikit kesenangan dan keselesaan untuk meneruskan pengajian.

"Para pelajar kita seramai 114 murid dari Malaysia manakala enam lagi dari Kemboja. Manakala tenaga pengajar pula ada dari Pakistan, Malaysia dan Morocco," tambah Shamsudin.

"Sekarang, kita akan usaha untuk dapatkan tanah, untuk membina kelas dan ruang pejabat. Sekarang guru-guru tidak mempunyai ruang pejabat yang selesa," tambah beliau yang berharap MMI dapat menjadi sebuah institusi pendidikan tahfiz terulung di Pulau Pinang.

Sementara itu, BM turut mengadakan tinjauan di Sekolah Methodist Nibong Tebal (SMNT) yang terpaksa berhadapan dengan masalah ular. Menurut Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah tersebut, Teoh Seang Hooi, mengharapkan agar Kerajaan Negeri dapat menghulurkan bantuan untuk membina tembok di sekeliling

Bagi Sekolah Rendah Kebangsaan St. Xavier, Jalan La'Salle pula, bantuan yang diterima sebanyak RM90,000 digunakan untuk membaiki dinding dan tiang seri bangunan sekolah terbabit yang retak kerana mendapan tanah. Selain menggantikan struktur bangunan sekolah, bantuan turut digunakan untuk pendawaian semula wayar elektrik yang telah berusia lebih dari 20 tahun.

"Tak kira siapa yang bantu, asalkan kanak-kanak semua dapat belajar di sekolah ini dengan lebih selamat, selesa dan dalam suasana ceria, kami ucapan ribuan terima kasih," ulas wakil sekolah tersebut yang ternyata amat berbesar hati atas bantuan yang diberikan.

Dalam pada itu, BM turut berkesempatan menemurah wakil SJK (T) Ramakrishna, K.Puvaneswary yang ternyata berterima kasih dengan bantuan sebanyak RM72,950 yang diberikan. Menurut beliau, peruntukan yang diterima akan digunakan untuk pembangunan dan pembelajaran murid di sekolah tersebut.

Manakala bagi Mariapan, wakil SJK (T) Sungai Bakap pula sangat terharu dengan bantuan berjumlah RM100,250 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri memandangkan sekolah terbabit merancang untuk membeli dan membangunkan tanah untuk membina bangunan baru sekolah tersebut.

**Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan persekolahan sebanyak RM1.75 juta kepada 18 Sekolah Agama Rakyat ; RM8.5 juta kepada sekolah Cina dan Mubaligh [90 buah SJK (C) ; SMJK, 10 ; SM Persendirian, 5 ; SK dan SMK Mubaligh, 24] dan RM1.75 juta kepada 28 sekolah jenis kebangsaan SJK Tamil. Sejumlah RM12 juta telah diperuntukkan pada 2011 bagi tujuan pendidikan.**

Sejak PR mengambil alih tumpuk pentadbiran, Kerajaan Negeri tidak memandang enteng isu pendidikan. Malah Kerajaan Negeri memperkasakan institusi pendidikan demi melahirkan insan yang berilmu dan mampu menjadi pemangkin kepada kepimpinan negara pada masa hadapan. Sayugia, hal yang berkaitan politik tidak perlu dicampuradukkan dengan hal-hal pendidikan kerana ia hanya akan merugikan negara kita sendiri.



**SEBAHAGIAN guru besar dan pengetua SJK Cina, SMJK Cina dan Sekolah Menengah Persendirian bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri selepas majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan 2011 di sini.**

tersebut telah merancang untuk menaiktaraf kantin sedia ada supaya lebih selesa dan selamat memandangkan keadaan meja yang telah usang.

"Sekolah Methodist mempunyai sejarah selama 105 tahun. Dalam 80 tahun ini, kami tidak pernah menerima bantuan kewangan sebegini. Jadi, bagi pihak PIBG, kami berasa amat berterima kasih terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang," ujar Seang Hooi mengakhiri bicara.



**SEBAHAGIAN guru besar dan pengetua sekolah-sekolah Tamil menunjukkan replika cek yang diterima pada Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan 2011 baru-baru ini.**

# ABDUL RAHMAN KEKAL YDP PP



**ABDUL Rahman Abbas** menandatangani surat pelantikan semula beliau di Seri Mutiara di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** : Tun Abdul Rahman Abbas dilantik semula sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang bagi tempoh dua tahun dalam satu upacara di Bilik Singgahsana Kesil, Istana Negara 19 April lalu.

Abdul Rahman menerima Surat Cara Pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada suatu majlis penuh adat istiadat.

Upacara pelantikan tersebut turut dihadiri Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah ; Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Abdul Rahman, 73, yang dilahirkan pada 15 April 1938 di Kampung Permatang Rambai, Kepala Batas mula dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang ketujuh pada 17 April 2001 dan seterusnya dilantik semula untuk memegang jawatan yang sama pada 1 Mei 2005 dan 15 April 2009.

Beliau yang kini Canselor Universiti Tenaga Nasional (Uniten) berkahwin dengan Toh Puan Majimor Shariff dan dikurniakan empat cahaya mata.



**ABDUL Rahman Abbas** melambai selepas selesai majlis pelantikan beliau sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Turut kelihatan adalah Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (tengah) dan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain (kiri sekali).

## Emel 1Malaysia : Diganti Dengan 'Hotspots' WiFi Percuma Kepada Rakyat

### KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI POSITIF

**GEORGE TOWN** : Dua tahun berturut-turut, Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif dan memberangsangkan. Kadar pertumbuhan pada tahun 2010 ialah sebanyak 8.1% berbanding tahun sebelumnya. Hal ini telah disahkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Selain mencatatkan pertumbuhan kadar ekonomi yang positif, Pulau Pinang turut mencatat lebihan belanjawan sebanyak RM33.54 juta pada 2010 atau 6.22% menjadikan lebihan belanjawan terkumpul sebanyak RM572.49 juta. Manakala hasil yang dikutip pada tahun lalu telah meningkat sebanyak 9.08% atau RM34.19 juta berbanding tahun 2009, iaitu daripada RM376.51 juta kepada RM410.70 juta.

Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah mencatat lebihan sebanyak RM88.02 juta berbanding jangkaan defisit RM35.66 juta. Bagi tahun berikutnya, lebihan berjumlah RM77.34 juta berbanding RM78.88 juta jangkaan defisit telah dicatatkan. Pada tahun kewangan akhir 2010, Kerajaan Negeri telah mencatat lebihan sebanyak RM33.54 juta berbanding jangkaan defisit RM78.98 juta.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, jumlah lebihan bagi tahun lalu adalah lebih

besar sekiranya Kerajaan Negeri tidak merezabkan sejumlah RM25 juta dalam akaun amanah bagi pembayaran skandal tanah Tan Hak Ju.

"Hasil urustadbir CAT dan anti-rasuh yang diamalkan Kerajaan Negeri telah membawakan hasil dalam tempoh yang singkat," ujarnya.

Tambah beliau lagi, segala keuntungan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri, dikongsi bersama rakyat. Buktinya, sejak 2008, pelbagai pembaharuan telah dilakukan antaranya memperkenalkan Program Penghargaan Warga Emas, pertambahan peruntukan dalam pembangunan dan pengurusan Hal Ehwal Agama Islam, pembinaan, pemuliharaan sekolah, pasar-pasar awam dan pelbagai lagi projek prasarana bagi memastikan rakyat Pulau Pinang menikmati keselesaan dan kesejahteraan hidup.

Dalam pada itu, Guan Eng menyenyar agar rakyat Pulau Pinang sama-sama menyokong dasar-dasar yang telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Pulau Pinang menjadi negeri yang bukan sahaja jaguh dalam pelaburan dan pertumbuhan ekonomi malah mampu menjadi ikon kepada negeri lain di Malaysia.

juta dari jumlah keseluruhan RM 3.2 juta. Manakala sejumlah RM1.5 juta akan dibiayai oleh Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) dalam usahasama Kerajaan Negeri dengan NCIA dalam menerapkan kajian kemungkinan pengangkutan air yang terperinci dalam PIP.

PIP juga akan mengkaji dua cadangan pembinaan laluan alternatif dan terowong bagi menghubungkan kawasan kesesakan dari Jalan Pangkor (Gurney Drive) ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Anggaran kos adalah sebanyak RM4 billion setelah mengambil kira harga tanah di Pulau Pinang yang terhad dan kos pengambilan yang tinggi.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, menegaskan bahawa, Kerajaan Negeri sememangnya prihatin tentang keperluan rakyat Pulau Pinang. Walaupun Pulau Pinang mempunyai tanah yang terhad, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk membendung dan mengatasi masalah lalulintas yang semakin meruncing.

"Kerajaan Negeri buat julung kalinya telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam secara percuma kepada warga Pulau Pinang yang berulang-alik dari Butterworth ke kawasan pulau, iaitu perkhidmatan BEST - 'Bridge Express Shuttle Transit' melalui projek 'Park & Ride'," ujar beliau.

"Sebanyak 16 buah bas telah disediakan oleh Rapid Penang dengan peruntukan dana oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM1.05 juta dan BEST merupakan salah satu komitmen dalam usaha mengurangkan jumlah kenderaan di bahagian pulau terutama ketika waktu puncak," tambah beliau.

Hadir sama pada sidang media tersebut Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P.Ramasamy, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, perunding PIP iaitu AJC Consultants Sdn. Bhd., wakil Singapore Cruise Centre (SCC), dan Halcrow

### LALUAN ALTERNATIF BAKAL ATASI KESESAKAN

**GEORGE TOWN** : Masalah kesesakan lalulintas di George Town merupakan antara isu yang perlu diatasi dengan kadar segera. Bukan sahaja di Pulau Pinang, malah masyarakat dunia turut berdepan dengan masalah kesesakan lalulintas terutama ketika waktu puncak setiap Isnin hingga Jumaat. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mengatasinya, antaranya mengadakan kempen menaiki kenderaan awam, kempen berkongsi kereta dan mengadakan laluan alternatif.

Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mendapati bahawa mod pengangkutan awam yang pelbagai telah memainkan peranan penting dalam membangunkan laluan alternatif dan kawasan sekitarnya. Oleh yang demikian, Majlis Pengangkutan Negeri (Penang

Transport Council - PSC) yang ditubuhkan pada 2009 telah mengadakan kajian Pelan Induk Pengangkutan (PIP) yang holistik meliputi penilaian terhadap mod pengangkutan awam sedia ada dan keperluan masa hadapan agar mutu dan keberkesanan sistem pengangkutan dapat ditingkatkan.

Secara umum, PIP memfokuskan isu-isu strategik iaitu penyelesaian masalah kesesakan, penambahbaikan sistem pengangkutan awam tempatan dan mengintegrasikan sistem pengangkutan awam secara cekap dan berkesan. PIP telah disediakan untuk tempoh 20 tahun antara tahun 2010 sehingga 2030 selepas 11 bulan penyediaan kajian dan pelaksanaan dijangkakan pada 2012.

Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM1.7



KERATAN akhbar KOSMO! berhubung paparan berita emel 1Malaysia pada 19 April lalu.

**GEORGE TOWN** : Inisiatif Kerajaan Persekutuan berhubung pengimplementasian projek Emel 1Malaysia adalah lebih wajar sekiranya ia diganti dengan pembekalan perkhidmatan WiFi percuma untuk seluruh rakyat negara ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa kenapa

Emel 1Malaysia perlu diwujudkan memandangkan kini setiap individu dapat menggunakan emel Yahoo dan Gmail secara percuma.

"RM50 juta boleh digunakan untuk projek-projek lain seperti pembekalan perkhidmatan 'hotspot' WiFi percuma sebagaimana yang amat diperlukan oleh rakyat negeri Sarawak."

"Kini, emel Yahoo dan Gmail boleh digunakan secara percuma dan yang paling penting adalah tahap keselamatannya turut terjamin," katanya pada sidang akhbar ketika diminta mengulas mengenai projek Emel 1Malaysia yang diumumkan Perdana Menteri 19 April lalu.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P.Ramasamy.

Guan Eng berkata, dua perkara yang menjadi isu berhubung pelaksanaan projek

tersebut adalah isu keselamatan dan privasi pengguna.

"Dua isu ini adalah penting kerana kita tidak ingin dipantau oleh pihak-pihak berkenaan atau tidak dikenali," jelas beliau.

Pada 19 April lalu, Perdana Menteri, Y.A.B. Datuk Seri Najib Razak mengumumkan bahawa satu syarikat IT tempatan, Tricubes Bhd. akan melaburkan RM50 juta untuk menyediakan akaun emel kepada semua warga Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas.

Pelaburan bagi projek Emel 1Malaysia itu adalah bagi menyediakan akaun email kepada semua warga Malaysia untuk urusan rasmi dengan kerajaan.

Emel berkenaan akan membolehkan komunikasi secara langsung dan selamat di antara rakyat dan kerajaan. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada pengguna dan juga warga niaga.

## BUKIT BENDERA BERWAJAH BAHARU

**GEORGE TOWN** : Bermula 25 April sehingga 29 April ini, perkhidmatan kereta api Bukit Bendera akan menyalurkan hasil kutipan tiket iaitu RM5 sehala ke tabung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Hal tersebut dimaklumkan oleh Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera, Datuk Lee Kah Choon



**LEE Kah Choon (kiri sekali)** memberi penerangan tentang sejarah kewujudan Bukit Bendera kepada Lim Guan Eng ketika melawati Galeri Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

bersempena prapelancaran perkhidmatan kereta api baharu yang bakal beroperasi secara rasmi kepada umum bermula 1 Mei ini.

Perkhidmatan Bukit Bendera telah dihentikan operasinya sejak setahun yang lalu bagi kerja-kerja penambahbaikan dan menaiktaraf kereta api berkabel yang telah

digunakan sejak tahun 1977 lagi. Kini pengunjung bukan sahaja dapat menikmati suasana hijau Bukit Bendera, malah pengunjung juga turut dapat menaiki kereta api baharu menggunakan tenaga elektrik dengan suasana berhawa dingin dan selesa.

Koc baharu buatan Switzerland tersebut mampu membawa 1,000 penumpang dalam tempoh satu jam berbanding sebelumnya hanya 280 penumpang dalam tempoh yang sama. Selain itu, perkhidmatan baru itu juga tidak memerlukan penumpang menukar kereta api sebaliknya perjalanan terus dari stesen ke puncak memakan masa antara 4 minit sehingga 15 minit mengikut keadaan cuaca dan jumlah pengunjung.

Semalam, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merasmikan stesen dan perkhidmatan kereta api baharu menyatakan keterujaan beliau menaiki koc baru tersebut. Selain itu, beliau turut menyifatkan bahawa perkhidmatan terbaru Bukit Bendera ini bukan sahaja mampu menjadi salah satu produk eko-pelancongan malah mampu menjadi ikon antarabangsa

sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam memelihara dan memulihara flora dan fauna di Bukit Bendera.

Beliau turut menyatakan produk pelancongan bernilai lebih RM40 juta sedang dibangunkan di Bukit Bendera, antaranya kemudahan pusat penjaja atau astaka di bawah penyeliaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), mendirikan titian silara (canopy walk), menaiktaraf taman spesis halia dan taman burung, taman periuk kera, penambahbaikan kemudahan awam termasuk rumah ibadat, tandas awam, klinik kesihatan dan juga projek penaiktarafan landskap yang dijalankan secara berterusan.

Pada majlis yang sama, Ketua Menteri turut mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan berusaha menjadikan Bukit Bendera sebagai kawasan larangan merokok atau 'Zon Tanpa Rokok' bagi tujuan memulihara persekitaran flora dan fauna Bukit Bendera sekaligus menyahut seruan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang lebih hijau dan bersih.

Dalam pada itu, Kah Choon turut mengumumkan tambang baru perkhidmatan Bukit Bendera iaitu dengan memperkenalkan pakej terbaru, Paket Keluarga

RM18 bagi pengunjung tempatan manakala RM70 bagi warga asing. Selain itu, bagi individu dewasa pula RM8 bagi pengunjung tempatan dan RM30 bagi pelancong luar negara. Kanak-kanak separuh harga. Manakala bagi orang kelainan upaya (OKU) adalah percuma. Harga istimewa turut ditawarkan kepada warga emas iaitu separuh harga.

Turut hadir pada malam perasmian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Abdul Malik Kassim; Ahli Parlimen Tanjung, Chow Kon Yeow; Pegawai Kewangan Negeri, Mokhtar Jait; dan Yang diPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif serta wakil Perbadanan Bukit Bendera.



**KOC** yang digunakan sejak 1977 kini digantikan dengan koc yang lebih selesa dan canggih.

pertambahan peruntukan dalam pembangunan dan pengurusan Hal Ehwal Agama Islam, pembinaan, pemuliharaan sekolah, pasar-pasar awam dan pelbagai lagi projek prasarana bagi memastikan rakyat Pulau Pinang menikmati keselesaan dan kesejahteraan hidup.

Dalam pada itu, Guan Eng menyeru agar rakyat Pulau Pinang sama-sama menyokong dasar-dasar yang telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Pulau Pinang menjadi negeri yang bukan sahaja jaguh dalam pelaburan dan pertumbuhan ekonomi malah mampu menjadi ikon kepada negeri lain di Malaysia.

## KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI POSITIF

**GEORGE TOWN** : Dua tahun berturut-turut, Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif dan memberangsangkan. Kadar pertumbuhan pada tahun 2010 ialah sebanyak 8.1% berbanding tahun sebelumnya. Hal ini telah disahkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Selain mencatatkan pertumbuhan kadar ekonomi yang positif, Pulau Pinang turut mencatatkan lebih lanjut sebanyak RM33.54 juta pada 2010 atau 6.22% menjadikan lebih lanjut sebanyak

terkumpul sebanyak RM572.49 juta. Manakala hasil yang dikutip pada tahun lalu telah meningkat sebanyak 9.08% atau RM34.19 juta berbanding tahun 2009, iaitu daripada RM376.51 juta kepada RM410.70 juta.

Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah mencatat lebihan sebanyak RM88.02 juta berbanding jangkaan defisit RM35.66 juta. Bagi tahun berikutnya, lebihan berjumlah RM77.34 juta berbanding RM78.88 juta jangkaan defisit telah dicatatkan. Pada tahun kewangan akhir 2010, Kerajaan Negeri telah mencatat lebihan sebanyak RM33.54 juta berbanding jangkaan defisit RM78.98 juta.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B.

Tuan Lim Guan Eng, jumlah lebihan bagi tahun lalu adalah lebih besar sekiranya Kerajaan Negeri tidak merezabkan sejumlah RM25 juta dalam akaun amanah bagi pembayaran skandal tanah Tan Hak Ju.

"Hasil urustadbir CAT dan anti-rasauh yang diamalkan Kerajaan Negeri telah membawa hasil dalam tempoh yang singkat," ujarnya.

Tambah beliau lagi, segala keuntungan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri, dikongsi bersama rakyat. Buktinya, sejak 2008, pelbagai pembaharuan telah dilakukan antaranya memperkenalkan Program Penghargaan Warga Emas,

## PPWE TURUT DISAMBUT BAIK BN

**SUNGAI DUA** : Siapa sangka, Program Penghargaan Warga Emas (PPWE) yang sering menjadi isu manipulasi pihak pembangkang kini disambut baik oleh UMNO-BN.

Perkara tersebut terbukti apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Datuk Jasmin Mohamed sendiri

ADUN Sungai Dua tersebut membuktikan bahawa UMNO-BN juga telah menerima baik PPWE yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat (PR).

"Kita (Kerajaan PR) tidak kisah siapa yang tandatangan atau buat permohonan sebab kita akan membuat bayaran seperti biasa."

"Malah, sekiranya, Datuk Azhar Ibrahim, Tan Sri Koh Tsu Koon dan Datuk Dr. Teng Hock Nan pohon pun, kita akan bayar juga," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Guan Eng berkata, PPWE dapat dijalankan ekoran prinsip Kerajaan PR yang bersih dan tidak makan duit.

"Kalau kerajaan bersih, kerajaan tidak makan duit, rakyat akan dapat duit. Jika kerajaan makan wang, rakyat tidak dapat wang," tegas beliau.

Sementara itu, hasil tinjauan Buletin Mutiara di Maybank i-Avenue, Bukit Jambul, sepasang suami isteri dari Permatang Damar Laut, Mohamad Ibrahim, 82 dan isteri Combi Ahmad, 70 datang seawal jam 7.20 pagi menunggu giliran untuk menerima sumbangan.

"Alhamdulillah, makcik dan pakcik dah dua tahun terima sumbangan ni," ujar Combi.

"Makcik tinggal berdua dengan pakcik, anak-anak semua sudah kahwin. Memang anak-anak ada bagi duit, tapi makcik rasa RM100 ni sangat bermakna," tambah Combi lagi.

Menurut wakil Maybank i-Avenue, seramai 4,300 penerima




**SEKUMPULAN** warga emas sambil ditemani Lim Guan Eng (dua dari kanan) dan ADUN Air Itam, Wong Hon Wai (kiri sekali) ceria menunjukkan wang RM100 yang diterima baru-baru ini.

telah didaftarkan berbanding tahun lalu sekitar 2,586 penerima sahaja. Jumlah tersebut merangkumi kawasan DUN Batu Maung dan Bayan Lepas.

Sementara itu, tinjauan di Maybank Gelugor, Ketua Menteri sempat meluangkan masa selama 30 minit bersama pihak pengurusan Maybank dan warga emas yang hadir.

"Saya gembira dapat tengok CM (Ketua Menteri) dari dekat. Terima kasih CM," ujar Amrita, 72 apabila buat pertama kali



**BORANG PPWE** yang ditandangani ADUN Sungai Dua.

menandatangani borang permohonan PPWE Negeri Pulau Pinang yang bernombor Siri 4038173.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa tindakan

bertemu dengan Ketua Menteri. Manakala Siti Maimunah Salleh, 68 merasa teruja apabila dimaklumkan Ketua Menteri sudi meluangkan masa bersama warga emas.

"Memang gembira. Jadi orang-orang BN tak payah tuduh yang bukan-bukan. Ni bukan wang Haram. Kalau wang Haram mustahil Kerajaan Negeri mampu bagi setiap tahun kepada semua warga emas," tambah Maimunah.

Beliau yang datang bersama anak dan cucu turut berkesempatan berjumpa dengan ADUN Batu Uban, S.Raveentharan memohon bantuan bagi suaminya yang buta dan dua orang anaknya yang kelainan upaya (OKU).

Dalam pada itu, ADUN Batu Uban tersebut menyatakan sejumlah 1,500 telah mula membanjiri perkarangan Maybank seawal jam 8 pagi dan menjangkakan seramai 7,000 warga emas akan datang untuk menerima sumbangan tersebut sehingga 20 Mei 2011.

Guan Eng turut meluangkan masa selama dua hari melawat beberapa cawangan Maybank sekitar Air Itam, Sungai Pinang, Butterworth, Sungai Dua, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal.

# HARI KEBEBASAN MEDIA SEDUNIA DIRAI

**GEORGE TOWN :** Hari Kebebasan Media Sedunia yang ke-20 disambut di dalam keadaan sederhana oleh pengamal-pengamal media sebelum bermulanya



**WARTAWAN MalaysiaKini, Low Chia Ming menyematkan riben kuning pada kot Ketua Menteri di Mesyuarat DUN di sini baru-baru ini.** sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Umumnya, Hari Kebebasan Media Sedunia diraikan pada 3 Mei di seluruh dunia. Sambutan tersebut diwujudkan pada tahun 1991 oleh Pertubuhan Bangsa-Banga Bersatu (UN) selepas satu persidangan dengan pihak UNESCO.

Deklarasi Hak Asasi Manusia berbunyi seperti berikut :

*"Consistent with Article 19 of the Universal Declaration of Human Rights, the establishment, maintenance and fostering of an independent,*

*pluralistic and free press is essential to the development and maintenance of democracy in a nation, and for economic development."*

*- The Declaration of Windhoek, 3 May 1991*

Malah, mengikut satu laporan yang dibuat bersempena Hari Kebebasan Media Sedunia oleh 'Freedom House' dari Amerika Syarikat menyatakan bahawa media di Malaysia kekal sebagai 'tidak bebas' di kaca mata dunia. Kini, Malaysia berada di tahap 143 daripada 196 negara.

Dalam pada itu, Ketua Menteri merangkap Setiausaha - Agong DAP dan Ahli Parlimen Bagan, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di dalam kenyataannya menyatakan bahawa buat masa ini, usaha-usaha murni Kerajaan-kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) tidak diberi liputan meluas oleh media arus perdana kerana pihak terbabit dikuasai oleh UMNO dan parti-parti komponen BN yang menyekat kebebasan media.

"Ini dibuktikan oleh pemecatan Presiden Kesatuan Wartawan (NUJ), Hatta Wahari oleh majikannya, Utusan Malaysia (UM) ekoran tindakan beliau mengeluarkan kenyataan bahawa UM tidak seharusnya menjadi lidah pengarang UMNO tetapi harus berdasarkan peristiwa yang berkaitan dengan rakyat. "Adalah dikesali media massa bersedia menjadi alat propaganda kerajaan menuduh parti pembangkang sebagai pengkhianat dan yang pelik ialah fitnah dan tohmahan ini

dibuat oleh media massa UMNO atas alasan ia adalah kebebasan akhbar," tegas beliau.

Beliau menambah, sejak akhir-akhir ini, ada kalangan media arus perdana termasuk TV3



**AHLI Jawatankuasa Pertubuhan Wartawan dan Jurugambar Akhbar Cina Pulau Pinang, Law Chan Yee (kanan sekali) menyematkan riben kuning pada baju Ketua Biro The Sun, Himanshu Bhatt.**

dan UM yang tidak peduli kepada kesopanan dan kesusilaan sehingga sanggup menyiaran bahan lucah sebagai berita semata-mata untuk memburukkan kepimpinan PR tanpa sebarang bukti yang sah.

Sementara itu, bagi memperingati Hari Kebebasan Media Sedunia yang ke-20, para pengamal media dan Yang Berhormat (YB) telah mengedarkan riben kuning di sekitar kawasan DUN di sini.

## SIDANG DICEMARI DENGAN GELAGAT DEMONSTRASI JALANAN

**GEORGE TOWN :** Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) hari ini dicemari dengan demonstrasi yang diketuai oleh Timbalan Yang Dipertua Persatuan Peniaga-peniaga KOMTAR, Mohamed Ghani Abd. Jiman.

Demonstrasi yang disajikan dengan kata-kata kesat serta caci menunjukkan kredibiliti Mohamed Ghani yang sebenar yang tidak mengikut nas-nas negara berdemokrasi.

Kata-kata seperti 'konek', 'pengecut' dan 'pemimpin macam pondan' menjadi sajian utama dalam demonstrasi tersebut. Beliau yang hadir bersama beberapa pengikut beliau menyerahkan memorandum tersebut kepada salah seorang wakil dari Pejabat Ketua Menteri di pintu masuk utama DUN.

Sikap Mohamed Ghani dianggap tidak profesional apabila menyatakan ingin menyerahkan memorandum tersebut terus kepada Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain tanpa melalui Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng.

Sedikit kekecohan juga berlaku apabila Mohamed Ghani bertindak agresif cuba memanjang pagar setelah permintaannya untuk menyerahkan memorandum di dalam kawasan DUN ditolak oleh pihak polis demi menjaga keselamatan orang ramai. Mohamed Ghani yang berang menyifatkan sikap para pemimpin PR yang pengecut dan tidak bertanggungjawab kerana tidak melayan mereka dengan cara yang baik.

Di dalam memorandum

tersebut, terdapat 10 isu yang dibangkitkan oleh Mohamed Ghani yang mana dakwa beliau belum menjawab segala persoalan yang diajukan kepada Ketua Menteri selama Pulau Pinang berada di bawah pimpinan Kerajaan PR.



**MOHAMED Ghani dikerumuni oleh anggota polis di luar bangunan Dewan Undangan Negeri di sini.**

## PPWE TERUS HANGAT

**GEORGE TOWN :** Program Penghargaan Warga Emas (PPWE) terus menjadi topik perdebatan hangat pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-12 di sini.

Pada persidangan hari ketiga DUN, pihak pembangkang diketuai Pemangku Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya, di dalam satu sidang akhbar mendakwa bahawa pihaknya telah mendebitkan sejumlah wang bernilai RM23,700 yang dikembalikan oleh sekumpulan warga emas ke dalam akaun Kerajaan Negeri pada 22 Disember tahun lalu.

Difahamkan, pendebitan wang tersebut telah dilakukan di dalam empat transaksi pukul 8 malam pada tarikh berkenaan.

Ekoran dakwaan tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa beliau telah mengarahkan Pegawai Kewangan Negeri untuk mengeluarkan satu cek dengan jumlah RM23,700 kepada Pemangku Ketua Pembangkang.

## UNIVERSITI PENANTI BAKAL JADI KENYATAAN

**GEORGE TOWN :** Graduan-graduan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Pulau Pinang boleh melanjutkan pengajian di universiti Islam yang bakal diwujudkan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti, Permatang Pauh kelak.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mansor Othman berkata, tapak lokasi bagi cadangan projek tersebut yang merangkumi satu pembangunan bandar baru di Mengkuang, Bukit Mertajam (belakang Institut Perguruan Tuanku Bainun) telah dikenalpasti. Cadangan awal bagi rancangan ini adalah untuk menjadikan kampus universiti ini sebahagian daripada bandar baru tersebut.

"Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk mendapatkan persetujuan daripada universiti-universiti dari Arab Saudi, Turki dan negara-negara Islam yang lain untuk

membuka kampus di bandar baru ini," katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada sidang Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Ke-12 di sini baru-baru ini.

Mansor yang juga ADUN Penanti berkata, usaha ini adalah untuk mengembalikan Pulau Pinang sebagai pusat kegemilangan pengajian Islam satu masa dahulu yang telah banyak melahirkan ilmuwan Islam seperti Syed Syeikh al-Hadi, Dr. Buhannuddin al-Helmy, Abu Bakar Asyaari dan ramai tokoh-tokoh Islam yang berjasa kepada negeri dan negara ini.

"Pada masa sama, ia juga adalah untuk mengangkat martabat Islam dan Melayu di Pulau Pinang. Dengan wujudnya institusi ini nanti akan dapat memberikan peluang pendidikan yang lebih berkualiti kepada masyarakat Islam secara keseluruhannya," ujar beliau.

"Kita tidak ingin menerima wang tersebut kerana kita tidak tahu sumber wang tersebut. Kita tidak tahu sama ada wang ini haram ataupun halal. Mungkin ada orang jahat yang mendebitkan wang tersebut dan mungkin juga ia wang rasuah.

"Justeru, terpulang kepada UMNO untuk menguruskan wang tersebut," katanya ketika mengulas isu berbangkit di dalam sidang akhbar di sini.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menegaskan bahawa cara pemulangan wang PPWE yang dilakukan oleh UMNO adalah tidak mengikut prosedur ditetapkan Kerajaan Negeri.

"Ini terbukti bahawa UMNO mempunyai niat politik dalam kempen di lain-lain negeri kerana Kerajaan Negeri telah memaklumkan mengenai cara yang betul untuk memulangkan wang PPWE.

"Sebagai tambahan, sehingga kini, pihak Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang dokumen daripada pihak-pihak berkenaan," jelas Boon Poh.

# PILIHAN BIJAK SAM DAN AVIATRON

**BUKIT MINYAK :** Singapore Aerospace Manufacturing (SAM) telah memperoleh kontrak jangka panjang daripada Goodrich untuk menghasilkan bahagian aero-struktur nacelle (ASN) bagi Boeing 787 Dreamliner, Airbus 350 XWB, Bombardier C Series dan Mitsubishi Regional Jet.

Bahagian ASN akan didirikan di tapak pengilangan baru bertempat di Penang Science Park. Kos dijangka mencecah RM200 juta di atas tanah seluas 150,000 kaki persegi dilengkapi dengan mesin berteknologi tinggi dari Amerika Syarikat dan Jerman.

Di Majlis Pecah Tanah oleh anak syarikat SAM iaitu Aviatron (M) Sdn. Bhd., Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa SAM telah membuat pilihan tepat dengan memilih Pulau Pinang sebagai tapak untuk membina pelan kilang tiga fasa tersebut.


Ketua Menteri turut menegaskan bahawa Pulau Pinang bukan sahaja menjadi pilihan pelabur-pelabur asing sejak dahulu lagi malah turut tersenari sebagai negeri yang mempunyai jumlah pelabur tertinggi di Malaysia. Malah Pulau Pinang turut menyumbang sebanyak 36% jumlah keseluruhan pelaburan di Malaysia.

Dalam majlis yang sama, SAM menyatakan bahawa pembinaan Fasa I dan Fasa II akan membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada lebih 300 pekerja. Selain itu, perkembangan positif industri aeroangkasa dijangka dapat menjana pelaburan ekonomi sebanyak RM16 bilion dan mewujudkan 32,000 peluang pekerjaan.

Turut hadir sama di majlis tersebut, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Sri Mustapha Mohamed, Pengerusi SAM, Philip Yeo, Ketua Pegawai Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq, Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Lee Kah Choon, Pengarah SAM Pulau Pinang, Loh Chuk Yam dan Pengurus Besar InvestPenang, Loo Lee Lian.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pengurus Perhubungan Awam dan Komunikasi, Ann Tan di talian 04-614 7611 atau 012-495 5600 atau emel di [anntan@sam.sg](mailto:anntan@sam.sg) atau layari <http://www.sam.sg>.**

# BUKIT MINYAK: DAHULU KONTANG



**PETA** kawasan perindustrian Bukit Minyak yang disusun atur mengikut industri dan terancang.

**SEBERANG PERAI :** Bagi warga Pulau Pinang, Bukit Minyak bukanlah suatu kawasan yang terpencil dan asing lagi. Terletak berhampiran Juru, Alma dan Permatang Tinggi, Bukit Minyak yang dahulunya dikelilingi pohonan kayu kini telah berubah wajah. Dari sebuah kawasan hutan, kini Bukit Minyak merupakan kawasan perindustrian yang komprehensif dan kompetatif.

Kawasan perindustrian Bukit Minyak, merupakan sebuah kawasan perindustrian terancang yang komprehensif, berteknologi

## TAMAN INDUSTRI HALAL PULAU PINANG BERDAYA SAING DI PERSADA ANTARABANGSA

**GEORGE TOWN :** Upacara menandatangi perjanjian lima pelabur baru di Taman Industri Halal Pulau Pinang (Penang Industrial Halal Park-PIHP) berjalan dengan lancarnya di KOMTAR, baru-baru ini.

Upacara tersebut melibatkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (Penang Development Corporation - PDC) dengan Aromacom Sdn. Bhd., Swiss Confiserie Sdn. Bhd., Attractive Ventures Sdn. Bhd. atau dikenali sebagai D'nonce Biofoods Sdn. Bhd., Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd. dan Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd. dengan jumlah pelaburan sebanyak RM345 juta yang merangkumi 31.09 ekar bagi Fasa I PIHP.

Selain itu, kewujudan lima pelabur baru tersebut juga bakal menyediakan lebih dari 700 peluang pekerjaan kepada warga Pulau Pinang. Kini, PIHP di Bukit Minyak mempunyai potensi pelaburan sebanyak RM195 juta yang merangkumi pelbagai industri termasuk bekalan

tinggi dan strategik. Kawasan tersebut mempunyai lebih dari 130 buah syarikat yang terdiri pelbagai industri termasuk industri biosid, industri farmaseutikal, industri penghasilan produk bioteknologi dan industri kecil dan sederhana (Small Medium Industry-SMI).

Malah kawasan perindustrian tersebut turut mempunyai kawasan perindustrian Halal, dikenali sebagai Penang International Halal Park atau Hab Halal Pulau Pinang. Pada tahun 2008, dua pelabur utama hab tersebut ialah Halagel (M) Sdn. Bhd. dan Granulab (M) Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk melabur di Pulau Pinang yang sememangnya dikenali sebagai kawasan perindustrian yang berkembang pesat.

Halagel (M) Sdn. Bhd. yang merupakan pengeluar gelatin halal bagi tujuan farmasi telah melabur sebanyak RM130 juta manakala Granulab (M) Sdn. Bhd. turut melabur sekitar RM50 juta ke RM100 juta bagi tujuan pengoperasian di sini. Kedua-dua syarikat tersebut secara tidak langsung membuka ruang dan peluang pekerjaan di samping membantu 20 buah syarikat halal yang lain untuk beroperasi di kawasan tersebut.

Selain kawasan perindustrian halal, terbaru, Singapore Aerospace Manufacturing (SAM) telah memperoleh kontrak jangka panjang daripada Goodrich untuk menghasilkan bahagian aero-struktur nacelle (ASN) bagi

makanan laut sejuk beku, pembuatan kek dan coklat, ekstrak herba, farmaseutikal, produk bio-degradasi dan barang eko-pembungkusan.

Terbaru, pembukaan tapak bagi perindustrian aeroangkasa oleh Aviatron (M) Sdn. Bhd. dan juga perindustrian peranti elektronik, Ibiden Electronics Malaysia di Bukit Minyak, merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan pelaburan di Pulau Pinang.

Awal tahun ini, PIHP telah menerima penganugerahan status HALMAS oleh Halal Industry Development Corporation (HDC) iaitu suatu status rekabentuk industri yang bukan sahaja memberi manfaat kepada pelabur malah turut memberi peluang kepada pelabur untuk merekabentuk sendiri suasana industri masing-masing. Pengiktirafan yang diperoleh ini juga sekaligus telah menambah keyakinan para pelabur untuk terus melabur di Pulau Pinang.

Dalam ucapan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyatakan walaupun Pulau Pinang mempunyai logistik yang terhad tetapi hasil urustadbir CAT membolehkan Pulau Pinang mengendalikannya dengan sistematik dan berkesan. Malah Pulau Pinang turut mencatatkan

Boeing 787 Dreamliner, Airbus 350 XWB, Bombardier C Series dan Mitsubishi Regional Jet yang akan didirikan di tapak pengilangan Taman Perindustrian Sains Pulau Pinang (Penang Science Park-PSP). Hal ini sekali lagi membuktikan bahawa kawasan tersebut sememangnya strategik dan mampu menjadi tumpuan pelabur-pelabur di peringkat global.

Terdahulu, Springhill Bioventures Management Limited bersama Khazanah Nasional Berhad, Pacific Mas Ficility Sdn. Bhd., Great Eastern Life Assurance (M) Berhad dan THG Capital Sdn. Bhd turut melabur lebih dari RM35 juta untuk membangunkan kawasan PSP tersebut.

Selain itu, penubuhan S.M.A.R.T Centre yang dilihat sebagai pusat informasi terkini bagi industri kecil dan sederhana mampu memberi maklumat terperinci dan terkini tentang industri tersebut di kawasan perindustrian Bukit Minyak. Malah S.M.A.R.T Centre menjadi pusat direktori bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan industri tersebut.

Ringkasnya, kawasan perindustrian Bukit Minyak bakal menjadi sebuah tapak perindustrian yang termaju dan utama di Pulau Pinang kelak. Walaupun Pulau Pinang mempunyai logistik yang terhad tetapi hasil urustadbir CAT membolehkan Pulau Pinang mengendalikannya dengan sistematik dan berkesan.

Jumlah pelaburan tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 36.0% daripada keseluruhan jumlah pelaburan di Malaysia.

Tambah beliau lagi, seorang warga Pulau Pinang telah melakukan kerja enam warga Malaysia, dan semua ini adalah hasil kerjasama semua pihak yang yakin bahawa urustadbir CAT dan keberkesanan kepimpinan telah melahirkan tenaga kerja yang mahir dan profesional.

Ketua Menteri mengakhiri ucapan beliau dengan mengajak semua warga Pulau Pinang untuk berganding bahu menjayakan bukan sahaja pertumbuhan pesat ekonomi Pulau Pinang malah melibatkan semua aspek dalam melestarikan kehidupan harian warga Pulau Pinang.

Hadir sama di upacara tersebut, Exco Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi PIHH Development Sdn. Bhd. (Halal Penang), Abdul Malik Cassim ; Ahli Lembaga Pengarah Halal Penang, Koay Teng Hai dan Salleh Man ; Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar ; Penasihat Korporat kepada Pengerusi Halal Penang, Murali Ram, wakil-wakil pelabur serta wakil-wakil dari PDC.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.halalpenang.com/>

## PETI 3R KE ARAH NEGERI HIJAU DAN INDAH

**GEORGE TOWN** : Majlis Pelancaran Peti 3R Setiap 100 Langkah disempurnakan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang di sini baru-baru ini. Majlis tersebut adalah selaras dengan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau yang bertaraf antarabangsa dan hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan 'Cleaner Greener Penang'.

Dalam ucapan Ketua Menteri, beliau menyatakan bahawa pelbagai usaha 3R iaitu Reduce (Mengurangkan), Reuse (Mengguna semula) dan Recycle (Mengitar semula), telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan hasilnya pelupusan sisa pepejal telah dikurangkan sebanyak 175 tan metrik sehari di Seberang Perai sahaja.

"Selain Cleaner Greener Penang, Kerajaan Negeri turut melancarkan Hari Tanpa Beg Plastik Percuma dan Tiada Polisterine demi menggalakkan warga Pulau Pinang menyahut seruan 3R," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan sisa pepejal dan pembersihan di Pulau Pinang. Pelbagai prasarana juga telah diwujudkan bagi memastikan pengurusan sisa pepejal ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Peti 3R ini ditaja oleh Syarikat Tye Wei Marketing Sdn. Bhd. dan ia menggunakan 'Green Power' bagi memudahkan ia dilihat pada waktu malam. Selain menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, peti ini juga tidak memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi. Syarikat tersebut akan berkerjasama dengan beberapa syarikat swasta lain termasuk Syarikat ICI Dulux dalam merealisasikan Pulau Pinang yang lebih indah dan hijau.

Menurut wakil Syarikat Tye Wei, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan untuk pemasangan 500 unit peti 3R ini di sekitar Georgetown, termasuk Persiaran Gurney, Jalan Burma, Persiaran Queensbay dan Jalan Penang. Manakala bagi kawasan Seberang Perai pula, satu pelan tindakan dan pelan perancangan khas akan diwujudkan bagi memastikan pemasangan peti tersebut strategik dan mesra pengguna.

Hadir sama pada majlis tersebut, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, YDP MPPP, Ar. Patahiyah Ismail, Pengarah Urusan Syarikat Tye Wei Marketing Sdn. Bhd., Johnson Yoon, Pengarah Urusan ICI Dulux, Goh

Cheok Weng, Pengurus ESH Resource Management Sdn. Bhd, Mr. Teoh dan beberapa Ahli-ahli Majlis MPPP.



Guan Eng (tiga dari kanan) memasukkan kertas ke dalam peti 3R sebagai simbol pelancaran Peti 3R Setiap 100 Langkah di Persiaran Gurney baru-baru ini. Turut hadir adalah Patahiyah Ismail (dua dari kanan) dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye (kanan sekali).



LIM Guan Eng (kanan sekali) menunjukkan tong cat untuk dikitar semula sambil diperhatikan oleh Goh Cheok Weng (dua dari kanan), Patahiyah Ismail (dua dari kiri) dan Phee Boon Poh (kiri sekali) baru-baru ini.

**IBIDEN ELECTRONICS MALAYSIA SDN. BHD. – PELABURAN BIJAK JEPUN**



LIM Guan Eng (dua dari kiri) dan Hiroki Takenaka (tiga dari kanan) memotong reben tanda pelancaran syarikat I Biden Electronics Malaysia Sdn. Bhd. sambil ditemani Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali), Lim Hock Seng (empat dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) di sini.

**SIMPANG EMPAT** : Syarikat penghasilan peranti elektronik, I Biden Electronics (Ibiden) membuat keputusan bijak apabila memilih Pulau Pinang

## HARI BUMI SATUKAN MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK PP

**BUKIT MERTAJAM** : Hari Bumi merupakan nama bagi dua sambutan yang berbeza, kedua-duanya diadakan setiap tahun ketika musim bunga di hemisfer utara, dan musim luruh di hemisfer selatan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan kepada alam sekitar.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga meraikan Hari Bumi, yang dimulakan oleh John Connell pada 1969, setiap tahun ketika ekuinoks, iaitu pencerapan global yang diasaskan oleh Gaylord Nelson sebagai pengajar alam sekitar. Dalam pada itu, sejak Januari 1970, ia juga dikenali sebagai Hari Bumi, yang diraikan di kebanyakan negara setiap tahun pada 22 April.

Di Malaysia, Hari Bumi juga disambut meriah dengan pengajuran pelbagai program seperti kitar semula dan menanam pokok bagi mempromosikan lebih kesedaran kepada orang ramai dan sekaligus mengurangkan tabiat pembuangan sampah serta sisa toksik.

Bersempena dengan sambutan Hari Bumi ke - 41, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menganjurkan Program Larian Hari Bumi Sedunia yang telah diadakan di Stadium MPSP, Bukit Mertajam pada 24 April, baru-baru ini.

Program ini dipengerusikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (EXCO) Komtar, Ng Wei Aik, bersama Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Kesihatan, Alam Sekitar dan Masyarakat Penyayang, Phee Boon Poh, kakitangan MPSP serta Jabatan-jabatan kerajaan dan swasta.

Menurut Ketua Menteri

sebagai tapak pelaburan terbaru dengan tambahan nilai pelaburan sebanyak RM1 bilion di negeri ini.

Sebelum ini, I Biden telah melabur sebanyak RM1.2 bilion bagi pembinaan plant 1 dan pertambahan yang diumumkan kini merupakan jumlah bagi plant 2.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang lazimnya menyambut baik dan akan terus memberi sokongan di atas usaha I Biden untuk memperluaskan bisnes mereka di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan kedatangan I Biden dan berharap tahun-tahun mendatang lebih menguntungkan dan menggembirakan semua pihak.

"Pulau Pinang bukan sahaja nombor satu dari segi pelaburan, malah nombor satu dalam mengurangkan kadar jenayah pada tahun lepas iaitu sebanyak

Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, program sebegini merupakan platform terbaik untuk menyatukan semua lapisan masyarakat di samping menghayati keunikan bumi sambil bersukan. Beliau juga berbangga kerana Pulau Pinang berjaya menjadi Negeri Hijau pertama di Malaysia.

"Saya bangga bahawa lebih kurang 1,000 peserta telah mendaftarkan diri untuk turut serta dalam larian bersempena Hari Bumi Sedunia. Untuk makluman semua, hasil daripada yuran pendaftaran yang dikenakan kepada peserta, ia akan disumbangkan bagi membantu keluarga miskin tegar di negeri ini," katanya.



PARA pemenang bergambar kenang-kenangan dengan Lim Guan Eng (tengah) pada Program Larian Hari Bumi Sedunia di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN peserta yang mendaftarkan diri untuk penyertaan acara Larian Hari Bumi Sedunia di Stadium MPSP.

27 peratus ; nombor satu dalam mengendalikan kewangan ; nombor satu dalam memerangi rasuah dan juga terdapat satu rahsia yang mungkin tidak diketahui ramai iaitu nombor satu dalam menyajikan masakan Jepun terbaik di Malaysia", katanya ketika merasmikan Majlis Pembukaan Plan 1 dan Pecah Tanah Plan 2 I Biden Electronics Malaysia Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

I just wanted to let you know that there has been a bit of "feedback" about you on Facebook – all fantastic remarks! This was in response to one of your speeches PULAU PINANG : MEMARTABATKAN RAKYAT, KEBAJIKAN UNTUK SEMUA [HQ] TONTON, FAHAM DAN SEBARKAN. TERIMA KASIH. Length:5:10

I am not sure when the video was taken but it is about the plans you have for Penang . Even we in Sarawak have the highest regards for you. And if I may be biased, I am proud that I am a Lim like you! Your command of Bahasa Malaysia is impeccable! I like the way the makciks and pakciks take to you – it's very heartwarming.

There are too many "I's" in this email so let me just say that there are more people out there who hold you in higher regards and esteem than you know!

Keep up the good job. I just hope that our leaders can emulate your fine example!

With best regards,

Elizabeth Lim

### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Bahagian utama dan Bahasa Malaysia:**  
YAP LEE YING  
ZULIANA AZIZ  
AINUL WARDAH

**Bahasa Inggeris:**  
TAN TONG SENG  
THOMAS LEE SENG HOCK

**Bahasa Tamil:**  
D.BHAVANESWARI

**Jurugambar:**  
CHAN LILIAN  
KHAIROL IKRAM SALAMAT

LAW SUUN TING  
AHMAD FARHAN  
sertai kami melalui "**sms blast**", taip "**ADD ME**"  
019 357 9726,  
Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375,  
sertai kami melalui "**emel blast**"  
unitkomunikasipejabatkm@gmail.com  
pejabatpenerangankm@gmail.com

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke

**Editor BULETIN MUTIARA,**

Tingkat 28, Komtar,

10503 Pulau Pinang.

Emel: suaracat@gmail.com

## RESEPI KELUARGA



**SUP kentang berkrim.**

### SUP KENTANG BERKRIM

Bahan-bahan:  
Kentang – 2 biji, buang kulit, potong kuib  
Daun saderi – 3 batang – potong kecil  
Bawang merah – 1 biji – cincang  
Bawang putih – 1 biji – cincang  
Serbuk kari daging – 1 sudu teh  
Bay Leaf – sehelai (jika ada)  
Mentega – 1 sudu besar  
Garam dan lada putih secukup rasa  
Susu sejat – 1 tin  
Air – setengah cawan, cuma sekadar untuk masak kentang

#### Cara memasak

- Rebus kentang dan daun saderi dengan sedikit air bersama ‘bay leaf’ (jika ada).
- Goreng bawang merah, bawang putih dengan sedikit mentega sehingga lembut. Jangan tumis sampai warna perang, cuma sekadar harum. Masuk ke dalam rebusan kentang itu.
- Tambah 1 sudu serbuk kari daging, garam dan lada putih.
- Apabila kentang sudah lembut, keluarkan dari periuk, tuangkan air rebusan dan masukkan ke dalam blender (tanpa air).
- Tambah satu tin susu sejat ke dalam pengisar dan kisar kentang itu sampai jadi cukup lumat.

Hidangkan bersama roti bakar perisa bawang putih.



**ROTI** bakar berperisa bawang putih untuk dihidang bersama sup kentang berkrim.

### ROTI PERISA BAWANG PUTIH

Bahan-bahan:  
Roti ‘French Loaf’ – sebuah  
Bawang putih – 4 ulas – dicincang  
Mentega – lebih kurang 100 gram

#### Cara memasak

- Potong roti setebal 1cm.
- Panaskan ketuhar pada suhu 180 darjah celcius
- Gaul mentega dengan bawang putih
- Sapu mentega bawang putih di roti
- Bakar dalam ketuhar selama lebih kurang 10 – 15 minit sehingga roti ranggup dan bawang putih kekuningan

## KEBANGKITAN WANITA, MARTABATKAN PERUBAHAN

**GEORGE TOWN** : Bersempena sambutan Hari Wanita Sedunia yang ke-101 lalu, Konvensyen Wanita Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang telah menganjurkan siri ceramah yang bertemakan ‘Kebangkitan Wanita, Martabatkan Perubahan’. Berikut adalah sedikit intipati teks ucapan Ketua Wanita PAS Pulau Pinang Ustazah Rahmah, yang bertajuk ‘Kesamarataan Peluang Dalam Pelajaran, Latihan, Sains dan Teknologi : Laluan Kerjaya Terpuji Untuk Wanita’ dalam pandangan wanita Islam.

Wanita mempunyai hak-hak yang sama dengan lelaki. Allah S.W.T menegaskan dalam al-Quran bahawa wanita adalah pelengkap bagi lelaki manakala lelaki juga adalah pelengkap bagi wanita. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“ Sebenarnya wanita adalah saudara kandung bagi lelaki!”

Sesungguhnya dari maksud hadis tersebut jelaslah bahawa pada pandangan Islam tidak ada pengurangan atas hak-hak wanita ataupun kezaliman atas wanita demi kepentingan lelaki kerana Islam merupakan satu syariat Allah S.W.T yang diturunkan untuk lelaki dan wanita sekaligus tanpa pengecualian.

Oleh itu sebarang bentuk ketidakadilan ke atas wanita di dalam setiap aspek

kehidupan amatlah ditegah dan bercanggah dengan ketentuan Ilahi. Apatah lagi amat besarnya peranan wanita yang mesti disempurnakan oleh wanita seperti kata-kata bijak pandai:

“Seorang ibu ibarat sekolah. Apabila kamu siapkan dengan baik, bererti kamu menyiapkan satu bangsa yang harum namanya.”

Sehubungan itu bagi PR kita tawarkan beberapa program di dalam pelaksanaan agenda Dasar Bersama PR antaranya:

- Menggubal akta bagi memastikan golongan wanita mendapat layanan yang adil dalam segenap bidang
- Memberi penekanan ke arah meningkatkan Kadar Guna Tenaga bagi wanita ke tahap 60 peratus dalam tempoh 10 tahun akan datang berbanding 46 peratus sepanjang tempoh 20 tahun yang lalu
- Memperuntukkan 30 peratus perwakilan wanita dalam semua barisan pimpinan politik dan kerajaan
- Menangani segala bentuk keganasan terhadap wanita dan anak-anak dengan hukuman setimpal yang lebih berat dijatuhkan ke atas pesalah serta memastikan keberkesanan pusat krisis di setiap hospital dan balai polis

- Memastikan kewujudan sistem sokongan dan bantuan seperti pusat penjagaan kanak-kanak dan sebagainya untuk ibu yang bekerja di pejabat kerajaan dan sektor swasta

- Memberikan bantuan untuk meringankan beban keluarga ibu tunggal yang miskin dan memerlukan

- Mengambil kira perspektif gender dalam merangka belanjawan dan dasar-dasar negara

- Memperkenalkan program kepekaan jantina ke dalam kurikulum sekolah

- Mengiktiraf peranan suri rumah di dalam pengukuhan institusi keluarga dan sumbangannya kepada pembangunan masyarakat dan negara

Sesungguhnya Allah S.W.T tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka berusaha mengubahnya ke arah reformasi kehidupan yang lebih baik sama ada dalam aspek keagamaan, pendidikan, perundangan, ekonomi, politik, pekerjaan, keluarga dan sistem jaringan sokongan kehidupan ini.

Marilah kita bersama-sama berganding bahu melaksanakan perubahan ini. InsyaAllah tangan yang lembut yang menghayunkan buaian dapat menggagarkan dunia.

## TINTA PENGARANG AGENDA DITAGIH PROPAGANDA DISAJI

Dunia perjuangan politik Malaysia hari ini dilihat seperti sebuah kapal yang bernakhoda namun tiada arah destinasi yang hendak dituju. Matlamat sering dikaburi dengan propaganda serangan peribadi kepada individu tertentu. Ia bagaikan sebuah fenomena yang tiada pengakhirannya. Drama politik Malaysia bagaikan lautan yang tidak akan surut dan sentiasa ada “khazanah” yang akan ditemui untuk meracun minda rakyat. Adakalanya fitnah bagaikan sebat dengan periuk nasi pemimpin politik hari ini. Soalnya, adakah rakyat sememangnya hendak tahu ataupun perlu untuk diberitahu dengan setiap resepi propaganda pemimpin politik? Corak politik Malaysia semakin meninggalkan sentimen ketimuran yang penuh adab sopan dan menjaga sensitiviti orang lain.

Pornografi, video lucuh/seks, DNA, sperma merupakan perkataan mainan media yang dijamu kepada rakyat untuk santapan minda sehari-hari. Mungkin, akan ada berkata kita perlu telus dan rakyat perlu tahu. Namun, pernahkah kita terfikir santapan ini merupakan racun kepada lapisan pewaris tampuk pimpinan negara. Tanggapan mempedulikan sentimen ini hanya semata-mata untuk berkuasa adalah suatu bom jangka kepada pembentukan minda masa depan negara. Anak muda disajikan dengan hiburan yang terus melalaikan dari memikirkan kedudukan dan peranan mereka dalam sebuah negara yang bertamadun. Pemimpin bagaikan senang melihat fenomena ini.

Peristiwa yang berlaku di sebuah pasar awam baru-baru ini yang aku alami sendiri mungkin mampu memberi sedikit gambaran kepada pembaca Buletin Mutiara. Seorang ibu bersama seorang anak lelakinya yang boleh disifatkan mentah mengunjungi sebuah pasar pada suatu pagi yang hening. Sedang sibuk si ibu membeli ikan tenggiri yang mungkin menjadi menu hidangan tengah hari bersama keluarga disentap oleh anaknya sambil memegang sebuah akhbar arus perdana yang entah diambil dari mana. “Ibu! Beli ler porno ni”, sergha anaknya yang merujuk tajuk utama yang bergambar di muka depan akhbar yang dipegangnya. Terpegun dengan serghaan anaknya, si ibu memandang penjual ikan sambil menggeleng-gelengkan kepalanya. “Porno tu apa,

ibu?”, sambil merentap baju kurung ibunya berkali-kali. Lantas majoriti kaum hawa berada di situ memandang ke arah si anak kecil yang menangis dan melempar akhbar tersebut akibat menerima layangan tumparan halus ibunya. Sambil meneguk teh tarik, aku terfikir apakah dosa si anak itu?

Mungkin akan ada beberapa kemungkinan lain berlaku seperti si ibu menerangkan maksud sebenar perkataan porno kepada anaknya. Namun, mampukah minda si anak ini mendaul maksud tersebut di usia setahun jagung. Dunia globalisasi serta jaringan internet hari ini tiada sebarang halangan dalam mendapatkan maklumat. Mungkin si anak akan cuba mencari sendiri berdasarkan fahaman dan interpretasinya tersendiri. Kesannya?

Mungkin juga si ibu akan berkata, “Nanti besar kamu tahu ler”. Aku sangat percaya gelisah ingin tahu si anak bukan berakhir begitu sahaja malah akan merujuk kepada sumber maklumat alternatif lain seperti berkongsi bersama rakan sebayanya. Seandainya dikongsi, fahaman apakah bakal mereka simpulkan? Bagaikan madah anak muda hari ini, “Lu fikir la sendiri”!

Pelaksanaan agenda yang wajar harus difikir dan bukannya propaganda meracun minda rakyat dalam usaha membentuk masyarakat masa depan. Sememangnya, tiada dogma yang mampu menafikan usaha memperkasakan rakyat di Pulau Pinang hari ini. Limpaan faedah dari kekuasaan Kerajaan Negeri oleh Pakatan Rakyat (PR) semakin dirasai dan seterusnya membentuk corak pemikiran rakyat. Peningkatan permohonan Program Penghargaan Warga Emas (PPWE) telah menjadi tanda aras untuk menilai sokongan rakyat. Pemberian eluan tambahan RM100,000 setiap tahun kepada Guru Kafa, RM1.75 juta bantuan pendidikan kepada 28 buah sekolah Tamil, RM7.85 juta kepada 129 buah sekolah yang terdiri daripada sekolah persendirian, sekolah mualigh dan juga sekolah Cina adalah antara limpahan nikmat dibawah kerajaan Pakatan Rakyat. Pulau Pinang semakin hari semakin hebat untuk diperkatakan apabila menjadi negeri Jaguh Pelaburan diantara seluruh negeri di Malaysia bagi tahun 2010.

# GOJI RAHSIA RESEPI CMR

## XIA XIA BATANG PINANG KAMBING GORENG IKON UTAMA

TEKS &amp; GAMBAR OLEH : KHAIROL IKRAM SALAMAT



EMPAT chef CMR yang berasal dari negara China menunjukkan tanda bagus.

Sebagaimana rakyat Malaysia ketahui, Pulau Pinang merupakan sebuah lokasi syurga makanan. Pelbagai sajian serta hidangan menjadikan negeri ini cukup gah dalam kalangan pelancong. Antaranya, nasi kandar adalah hidangan yang sangat sinonim dengan Pulau Mutiara sejak dari zaman penjajahan Portugis lagi dan pengusahaannya kini turut diiktiraf sebagai sajian warisan oleh pihak UNESCO. Namun, tinjauan eksklusif kali ini ingin memaparkan suatu kelainan serta variasi makanan baru yang terdapat di kawasan Bayan Baru.

Cina Muslim Restaurant (CMR) menjanjikan suatu kelainan sajian yang istimewa kepada para pengunjungnya. Restoran



SUP buah goji

ini setia menanti mereka yang ingin mencuba pelbagai sajian dari negara China tanpa perlu menempuh penerbangan yang berjam-jam untuk ke sana. Demi memastikan keaslian sajian dan hidangan ini, pihak pengurusan restoran telah mendapatkan empat orang chef Muslim yang bertauliah dari negara China. Ini menjamin setiap pengunjung dan pelanggan menikmati kelazatan sejati dari negara republik tersebut.

Restoran ini telah dibuka pada suku ke-4 tahun 2010 oleh dua orang sahabat yang bukan dari bidang kuliner bersama seorang rakyat China. Ong Keok Liang, 52 dan Hashim Ismail, 47 merupakan anak tempatan dari sektor kejuruteraan perkilangan telah bersepakat untuk menujuhkan restoran ini dan akhirnya menjadi kenyataan selepas 12 kali

berulang-alik ke seluruh pelusuk China untuk mencari tukang



**GAO Min (kiri)** dan **Ong Keok Liang** masak Muslim dari China. Dengan bantuan rakan kongsi dari negara republik itu, Gao Min, 39, akhirnya mereka telah berjaya menyakinkan seorang chef Muslim dari wilayah autonomi Muslim Ning Xia.

Pelbagai cabaran yang dihadapi untuk mengekalkan idea utama makanan halal di restoran yang telah beroperasi selama tujuh bulan ini. Menurut Ong, mereka juga telah berulang-alik ke Putrajaya dan Jabatan Imigresen untuk mendapatkan "restu" sebelum memulakan perniagaan.



SIJIL dari JAKIM.

"Segala halangan dan cabaran adalah sangat berbaloi



KEADAAN CMR yang selesa.

kerana akhirnya membuatkan hasil", kata Ong.

Menurutnya, Buletin Mutiara adalah yang pertama mengadakan tinjauan di CMR selepas beberapa kali menolak pelawaan media lain kerana belum bersedia.

"Pihak pengurusan CMR baru sahaja bersedia untuk menyiarkan iklan kerana lebih yakin selepas mempunyai empat orang chef Muslim dari China untuk menyediakan hidangan", jelasnya lagi.

Menu yang menjadi ikon kepada CMR adalah Xi Xia Batang Pinang Kambing Goreng. Permintaan terhadap menu ini menjadi pilihan utama kepada kebanyakan pengunjungnya.

atau Wolfberry China) yang sangat berkhasiat dan dapat digunakan untuk merawat tubuh yang lemah, memperbaiki penglihatan,




BUAH Goji

dan memanjangkan usia. Goji baik untuk memelihara ginjal dan hati, bermanfaat bagi paru-paru, dan memperbaiki penglihatan. Perubatan tradisional Tiongkok di China menggunakan buah goji untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan hati, ginjal dan impotensi, sakit otot di bahagian pinggang dan lutut, sakit kepala, penglihatan kabur, kelebihan air mata, kelelahan, batuk, haus, dan mani encer.

CMR juga menerima tempahan untuk majlis keraian seperti perkahwinan dan sambutan harijadi di premis restoran yang mempunyai 2 tingkat ini. Lokasi di Bangunan D'Piazza Mall, Bayan Baru, CMR mampu menampung 250 orang pelanggan pada satu-satu masa. Pelanggan boleh memilih tempat berhawa dingin di bahagian atas yang boleh menampung 160 hingga 180 orang bagi mengadakan sebarang majlis peribadi di samping ruang makan di bawah.

Kepada mereka yang ingin mencuba makanan halal China ini, anda sangat dialu-alukan tanpa sebarang rasa was-was kerana CMR telah diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai penyedia makanan halal.

**Untuk tempahan dan keterangan lanjut, bolehlah menghubungi CMR di talian 04-6443718 atau 016-5531423.**



IKON CMR, Xi Xia Batang Pinang Kambing Goreng.

Hidangan di CMR banyak menggunakan rempah ratus yang pasti mengeluarkan aroma memikat setiap pelanggannya.

Penggunaan rempah ini menepati citarasa tempatan kerana Pulau Pinang sendiri terkenal dengan rempah-ratusnya sejak berkurun lamanya.

"Di China, segala hidangan dimasak dalam suatu kuantiti yang besar dan satu saiz. Perkara ini pada mulanya menjadi sedikit kesulitan kepada chef Muslim ini kerana tidak biasa masak dalam kuantiti yang kecil. Namun perkara ini telah dapat diatasi sedikit demi sedikit dan kini kesemua chef berjaya menyesuaikan diri dengan cara masakan kuantiti ala tempatan", tambahnya.

Masakan di CMR banyak menggunakan buah goji (Gou Ji

# SETIAUSAHA PERBANDARAN MPPP, IR. ANG AING THYE



IR. Ang Aing Thye

TIDAK ramai yang mengetahui bahawa di sebalik kejayaan dan penambahbaikan yang dimainkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kini adalah hasil titik peluh individu yang telah menabur khidmat selama 33 tahun di dalam sektor perkhidmatan awam.

Berdasarkan maklum balas masyarakat umum berhubung tahap kebersihan, misi dan tempoh masa bertindak yang lebih pantas berbanding sebelum ini telah menarik perhatian Buletin Mutiara (BM) untuk menemuramah wira di sebalik tabir ini.

**BM : Orang awam kadang-kadang salah faham akan tugas dan tanggungjawab yang dipikul MPPP. Pada amnya, peranan MPPP begitu luas dan amat penting kepada negeri Pulau Pinang. Malangnya, orang awam lazimnya hanya 'nampak' MPPP apabila terdapat kejadian longkang tersumbat, tandas kotor dan jalan berlubang. Boleh Ir. Ang beri sedikit penjelasan tentang peranan, tugas dan tanggungjawab MPPP.**

**AING THYE :** MPPP merupakan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) di bahagian pulau Pulau Pinang. MPPP bertanggungjawab terhadap kawalan pembangunan seluruh pulau kecuali tanah yang telah ditebus guna yang mana pihak berkusa kawalan pembangunan adalah JPBD. Kita (MPPP) mengutip cukai pintu dan membekalkan perkhidmatan seperti pemungutan sisa buangan pepejal, membersihkan jalan raya dan longkang. Pada masa sama, MPPP juga bertanggungjawab terhadap keadaan trafik di seluruh pulau kecuali di jalan-jalan persekutuan. Menyentuh mengenai penyelenggaraan jalan raya, MPPP bertanggungjawab menyelenggara jalan-jalan di sekitar kawasan bandar dan Zon Perindustrian Bayan Lepas manakala JKR bertanggungjawab dalam penyelenggaraan jalan di luar kawasan bandar.

Sudah tentu, saya mengakui bahawa sebagai PBT, MPPP bertanggungjawab dalam banyak aspek kerja-kerja

perbandaran. Kepada sesiapa yang ingin mengetahui maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh MPPP, sila layari [www.mppp.gov.my](http://www.mppp.gov.my). Bagaimanapun, saya ingin tekankan di sini bahawa MPPP mempraktikkan polisi 'No Wrong Door' dan kita (MPPP) mempunyai talian 24 jam, 04 – 263 7637 / 04 – 263 7000 bagi membolehkan masyarakat umum membuat sebarang aduan berkaitan. Bagi aduan yang berada di luar bidang kuasa MPPP, ia akan dilanjutkan ke jabatan berkenaan untuk tindakan.

**BM : MPPP pernah menjadi bahan berita berunsur politik dan dituduh merobohkan gerai-gerai di atas arahan pihak atasan. Bagaimana MPPP boleh menyakinkan semua pihak bahawa MPPP hanya bertindak berdasarkan undang-undang dan demi keselamatan serta keselesaan warga Pulau Pinang.**

**AING THYE :** Isu peniaga haram merupakan isu lama yang tiada kesudahan. Kini, terdapat kira-kira 3,000 peniaga tanpa lesen di bahagian pulau Pulau Pinang. Kebanyakan peniaga-peniaga berkenaan tidak memiliki kemudahan mencuci yang bersesuaian. Malah, aktiviti-aktiviti ini telah menyebabkan kesesakan lalulintas dan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya yang lain. Sebelum tindakan penguatkuasaan seperti perrobohan atau rampasan dijalankan, MPPP akan mengeluarkan notis di bawah Undang-undang Kecil Penjaja 1979 atau Akta Jalan, Saliran dan Bangunan 1974 (sekiranya melibatkan struktur haram) kepada peniaga bagi membolehkan pihak berkenaan memindah atau meruntuhkan struktur sedia ada secara sendiri. Umumnya, banyak langkah proaktif yang diambil oleh MPPP seperti memindahkan peniaga-peniaga tanpa lesen ini ke pusat atau kompleks makanan ataupun membekalkan lesen penjaja statik sementara (PSS). Malah, MPPP turut meminta YB-YB kawasan untuk mengadakan perbincangan dengan peniaga-peniaga berkenaan bagi mencari jalan penyelesaian secara baik. Perrobohan atau rampasan hanya dilaksanakan sekiranya kesemua faktor dan inisiatif di atas gagal dipatuhi.

**BM : Boleh Ir. Ang beri sedikit maklumat tentang projek-projek yang akan membuat Pulau Pinang lebih dinamik dimasa akan datang. Misalnya, "Penang International Convention Centre" (SPICE).**

**AING THYE :** SPICE merupakan antara projek mega yang akan dilaksanakan oleh MPPP melalui konsep B.O.T.. Pada masa sama, kita (MPPP) juga terlibat dalam projek pengurangan kesesakan lalulintas di Jalan Masjid Negeri

dan Jalan Scotland yang mana MPPP bercadang meningkatkan keadaan trafik dengan menambahbaikan infrastruktur sedia ada dengan kos RM57 juta (RM27 juta untuk fasa pertama dan RM30 juta, fasa kedua). Langkah-langkah juga telah diambil bagi pengorganisasian semula peniaga tanpa lesen di pesisir pantai Batu Feringhi. Kita dalam proses mengorganisasi, melesenkan dan mengehadkan sebahagian aktiviti pantai bagi menjadikan Batu Feringhi sebuah destinasi yang selamat untuk para pelancong. Antara projek-projek lain yang kini dalam proses adalah pelebaran liputan lokasi-lokasi CCTV bagi menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri selamat sebagaimana yang dirancang sebelum ini.

**BM : Apakah di antara masalah-masalah yang sering dihadapi oleh MPPP terutamanya ketika berhadapan dengan masalah-masalah rakyat. Misalnya - kesesakan jalanraya, penduduk-penduduk yang tidak bertanggungjawab menjaga kebersihan dan lain-lain.**

**AING THYE :** Saya berada dalam menghadapi isu seperti kesesakan lalulintas dan kebersihan bukan terletak sepenuhnya pada MPPP. Sebaliknya, kita (MPPP) memerlukan kerjasama daripada rakyat. Banyak inisiatif dan usaha telah diambil oleh MPPP bagi menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bersih dan hijau.



IR. Ang Aing Thye menjelaskan peranan penting MPPP dalam membawa visi Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun, tiada guna sekiranya kita (MPPP) menjalankan kerja-kerja membersih dan masyarakat umum terus menanam sikap membuang sampah merata-rata. Justeru, MPPP memerlukan kerjasama daripada semua bagi menjadikan bandar kita sebuah bandar yang sesuai didiami. Situasi sama apabila menyentuh mengenai isu kesesakan lalulintas yang lazimnya berpunca daripada sikap para pemandu, tindakan meletak kenderaan di bahu jalan atau tidak menghiraukan papan-papan tanda larangan parkir di sesuatu lokasi. Dalam menghadapi isu ini, MPPP dan PDRM telah menjalankan kempen pendidikan dan langkah seterusnya adalah penguatkuasaan yang

tegas. MPPP akan mengapit (clamping) dan menunda kenderaan di jalan-jalan tertentu pada pertengahan Mei 2011. Yang pasti, tindakan penguatkuasaan hanya akan dilaksanakan setelah pemandu tidak menghiraukan amaran yang diberikan oleh pihak MPPP pada tempoh masa ditetapkan.

**BM : Mengenai kempen Pulau Pinang Hijau dan Bersih, adakah matlamat ini telah tercapai. Apakah sumbangan MPPP di dalam kempen ini.**

**AING THYE :** Kempen Pulau Pinang Bersih dan Hijau bermula pada Mei 2010. Sehingga kini, saya telah menerima banyak maklum balas positif bahawa tahap kebersihan di sini adalah jauh lebih bersih. Sudah tentu, masih banyak ruang yang boleh diperbaiki dan saya secara peribadi berpendapat bahawa banyak program hijau perlu dilaksanakan lagi. Contohnya, penanaman pokok di sepanjang pembahagi jalan di Lebuh Carnarvon. Pada masa sama, MPPP kini dalam proses untuk melaksanakan inisiatif sama di Weld Quay dan Jalan Dato' Keramat. Realitinya, Inisiatif Pulau Pinang Hijau dan Bersih tidak dapat dicapai hanya dengan peranan yang dimainkan oleh MPPP, ia perlu komitmen daripada seluruh rakyat Pulau Pinang termasuk sektor swasta. Marilah kita bersama berganding bahu 'menyinarkan' Pulau Pinang untuk selama-lamanya.

**BM : Y.A.B. Ketua Menteri sering berucap mengenai cita-cita Pulau Pinang untuk menjadi sebuah bandaraya antarabangsa (International City). Bagaimana dan apakah peranan MPPP ke arah mencapai visi ini.**

**AING THYE :** Bagi menyokong visi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa, beberapa langkah telah diperlakukan oleh MPPP bagi penjenamaan semula bahagian pulau Pulau Pinang. Sebagaimana maklum, George Town telah dinobatkan dengan status Pusat Warisan Dunia oleh UNESCO, justeru, kita perlu menyediakan modal berhubung status tersebut dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi pelancongan utama di mata dunia. Umumnya, kita mempunyai 'sister-cities' seperti Adelaide di Australia, Xiamen, China dan Medan, Indonesia. Terbaru, kita juga telah menandatangi perjanjian persefahaman dengan beberapa bandar antarabangsa seperti Taipei dan Kaoshiong di Taiwan sebagai bandar persahabatan. Faktor-faktor ini akan membantu menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang khususnya.

# MPSP PROAKTIF MENANGANI MASALAH KESESAKAN



**TUAN Lim Guan Eng (berkot) sambil ditemani Maimunah Mohd. Sharif (bertudung) membuat pemeriksaan barisan pada majlis Pelancaran Pasukan Pengawal Lalulintas MPSP dan Penyampaian Anugerah Khas kepada 23 Pekerja MPSP di sini.**

**SEBERANG PERAI:** Bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas di kawasan Seberang Perai, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengambil inisiatif khas untuk menubuhkan Pasukan Pengawal Lalulintas di peringkat Pihak Berkua Tempatan.

Pasukan pengawal lalulintas tersebut adalah gabungan daripada 10 anggota polis bantuan dan 10 anggota pengawal keselamatan yang bertanggungjawab mengawal lalulintas di kawasan "Park



**PASUKAN Pengawal Lalulintas berbaris di perkarangan lobi MPSP di Majlis Perasmian Pasukan tersebut baru-baru ini.**

and Ride"; pasar-pasar awam, kompleks awam MPSP, pasar malam, kawasan tumpuan meletak kenderaan serta lokasi-lokasi yang terdapat majlis-majlis tertentu.

Ketua Menteri Pulau Pinang,

Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif tersebut adalah selaras dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa dengan masalah kesesakan lalulintas yang terkawal.

"Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap cabaran 3C's iaitu 'Cleanlines, Crime and Congestion' (kebersihan, jenayah dan kesesakan trafik). Masalah kesesakan lalulintas merupakan salah satu cabaran yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri dengan merangka beberapa program yang menjurus untuk mengurangkan atau menyelesaikan masalah tersebut.

Sehingga kini, program Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah ini adalah projek-projek pelebaran jalan dan 'BEST' (Bridge Express Shuttle Transit) yang telah dilancarkan pada 1 Mac lalu," katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Khas kepada 23 Pekerja MPSP di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Yang DiPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif dan Pegawai Kewangan Negeri, Mokhtar Mohd. Jait.

and Ride"; pasar-pasar awam, kompleks awam MPSP, pasar malam, kawasan tumpuan meletak kenderaan serta lokasi-lokasi yang terdapat majlis-majlis tertentu.

Ketua Menteri Pulau Pinang,

## SYARAT PERMOHONAN BARU TASKA, TADIKA & PUSAT JAGAAN

**SEBERANG PERAI:** Sudah menjadi gaya hidup ibu bapa berjaya lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat jagaan kanak-kanak, tadika dan taska selain mengambil pembantu rumah bagi menguruskan hal anak-anak ini.

Jika dilihat tatkala ini, banyak



**AHLI Majlis MPSP, Soon Lip Chee (kiri sekali) beramah mesra dengan kanak-kanak di Tadika Star Bright, Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.**

pusat asuhan, tadika dan taska sedang tumbuh seperti cendawan bagi memenuhi keperluan ibubapa bekerjaya di samping meningkatkan taraf

hidup dan ekonomi negara.

Sebelum Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih tumpuk pemerintahan di Pulau Pinang, setiap permohonan untuk membuka tadika, taska dan pusat asuhan menghadapi masalah. Pemilik dikehendaki menukar syarat-syarat yang terdapat dalam surat hak milik daripada kediamaan kepada komersial. Maka, ramai pengusaha tidak dapat memperoleh lesen bagi mengusaha premis tersebut.

Pada 27 Februari 2009, MMK Kerajaan Tempatan telah membuat keputusan untuk mengecualikan keperluan bagi membuat pindaan syarat nyata dalam surat hak milik daripada kediamaan kepada perniagaan.

Selepas tarikh tersebut, setiap pengusaha yang ingin membuka tadika, taska dan pusat asuhan dikehendaki memasukkan permohonan kebenaran merancang dan mengepaskan satu plan bangunan kepada Jabatan Perancang Bandar sekiranya terdapat pindaan dalam (pengubahsuaian).

## 'WIRA TIDAK DIKENALI' TERIMA PENGIKHTIRAFAN

**SEBERANG PERAI:** Bumi hijau dan bersih, rakyat sejahtera. Setiap hidupan yang wujud di muka bumi ini memerlukan suasana persekitaran yang hijau dan bersih iaitu bebas daripada sebarang bentuk pencemaran.



**BEBERAPA orang Pekerja Am MPSP sedang menjalankan pembersihan longkang.**

Bagi menuaikan impian tersebut, setiap individu harus memainkan peranan bagi menjaga keharmonian alam sekitar di muka bumi dari terus dicemari dengan sampah sarap yang menyakitkan mata sesiapa yang memandang.

Salah satu tempat yang harus diberi perhatian khusus ialah longkang atau parit kerana di sinilah selalunya tempat sampah sarap berkumpul dek sikap sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab. Disebabkan itu, maka berlakunya banjir kerana sistem saliran yang tidak lancar akibat tersumbat.

Selaras dengan itu, seramai 23 pekerja Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana membantu menangani masalah ini. Mereka telah menerima sumbangan motivasi berupa sijil penghargaan dan cek bernilai RM500.00 (bagi 13 individu) dan RM300.00 (bagi 10 individu) pada Majlis Penyampaian Anugerah Khas 23 Pekerja MPSP di sini baru-baru ini.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil disaksikan oleh Yang DiPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, Pengurus MMK Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Pegawai Kewangan Negeri, Mokhtar Mohd. Jait dan beberapa Ahli Majlis MPSP.

Menurut Ketua Menteri, usaha murni para pekerja am

Sekiranya permohonan kebenaran merancang telah diluluskan, maka Jabatan Perlesenan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mengeluarkan satu Borang C serta surat kelulusan dan setiap pengusaha dapat mengambil surat tersebut untuk memohon lesen.

Setiap bayaran plan kebenaran merancang untuk pengusaha yang belum menjalankan operasi ialah sebanyak RM100. Manakala bagi yang telah menjalankan operasi tanpa kelulusan dikenakan sebanyak RM1,000.

membantu membersihkan longkang tersumbat dan mengurangkan kekerapan banjir kilat harus diberi penghormatan yang sewajarnya. Mereka ini juga dikenali sebagai wira-wira yang tidak dikenali kerana bekerja di belakang tabir.

"Melihat kepada keadaan yang menjijikkan hasil perbuatan kita sendiri iaitu pengamalan tabiat membuang sampah di merata-rata tempat terutama di dalam saluran longkang, renungkan, siapa yang sanggup turun padang untuk membersihkan kotoran berkenaan. Jika ditanya, saya sendiri belum bersedia untuk melakukan kerja-kerja seperti itu", katanya.

Guan Eng menambah, kerja-kerja 3D's yang dilaksanakan oleh anggota skuad khas tersebut, iaitu 'Dangerous, Difficult and



**PARA Pekerja Am MPSP yang menerima anugerah khas menunjukkan sijil penghargaan kepada Lim Guan Eng (dua dari kanan) sambil ditemani Chow Kon Yeow (kanan sekali) dan Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali) pada Majlis Penyampaian Anugerah Khas 23 Pekerja MPSP di sini.**

Dirty' (bahaya, sukar dan kotor) memerlukan kemahiran, pengalaman dan juga mengikut keperluan kerana tidak terdapat peralatan canggih atau khas bagi mengeluarkan sampah-sarap yang terlekat di dalam longkang.

"Mereka bekerja keras melaksanakan tugas ini bagi meningkatkan imej MPSP dan memberi perkhidmatan yang berkualiti tinggi demi keselesaan penduduk Seberang Perai.

"Kini, MPSP menjadi lebih bersih dan lebih hijau berbanding dahulu sungguhpun anggota yang bekerja adalah orang yang sama" ujar beliau.

Sepanjang tempoh pemerintahan Kerajaan PR dari Mac 2008 hingga Mac 2011, jumlah tadika yang berjaya mendapatkan lesen perniagaan ialah sebanyak 127 buah, taska sebanyak 39 buah dan pusat asuhan sebanyak 40 buah di sekitar kawasan Seberang Perai. Ini merupakan satu pencapaian yang sangat memberangsangkan.

Setiap pengusaha juga dikehendaki mendapatkan surat tanpa bantahan daripada jiran tetangga demi menjaga kepentingan hak-hak awam.

## EKSPRESI SENI BELIA PULAU PINANG

**GEORGE TOWN :** Sebuah ruangan khas untuk pelukis graffiti telah diadakan di Taman Perbandaran Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai Taman Belia. Secara umum, pelukis graffiti adalah pelukis bebas yang menghasilkan karya yang artistik dan kreativiti hasil seni mereka lebih kepada 'mood' atau emosi ketika melakar.

Ruangan khas yang dibina di Taman Belia tersebut telah dikhaskan kepada para pelukis graffiti. Terletak di antara 'Skate Park' dan laluan pejalan kaki, ruangan tersebut menyediakan tujuh buah dinding khas untuk para pelukis graffiti ini. Tiga buah dinding tersebut berukuran 15 meter persegi manakala empat lagi berukuran 9 meter persegi. Kesemua dinding khas tersebut adalah mesra alam dan tidak mengganggu laluan pejalan kaki maupun ruangan riadah lain.

Menurut salah seorang arkitek yang terlibat dengan projek graffiti tersebut, Ong Khian Huat, ruangan khas dinding graffiti menjadi medan kepada para belia untuk mengekspresikan kreativiti masing-masing. Malah, matlamat utama mengadakan ruangan tersebut adalah bagi menggalakkan para belia berkomunikasi secara sihat tanpa melibatkan budaya yang kurang sihat.

Pengerusi projek tersebut, Micheal Chen dalam pada itu berkata bahawa ruangan tersebut telah ditaja oleh Kelab Rotary Tanjung Bungah dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), malah, menurut beliau,

ruangan graffiti sebenarnya telah lama dipopularkan di Singapura, Taiwan, Hong Kong, Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah, dan Pulau Pinang mengambil inisiatif untuk memperkenalkannya di Malaysia.

Ruangan khas graffiti tersebut dilihat sebagai tindakan positif apabila ia bakal menggalakkan para belia untuk berkomunikasi sesama mereka, berbincang dan bertukar-tukar buah fikiran tanpa mengira kaum dan bangsa.

Hadir sama pada majlis pelancaran ruangan khas itu, YDP MPPP, Ar. Patahiyah Ismail. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang <http://www.mppp.gov.my>.



**PARA** belia bukan sahaja dapat mengekspresikan hasil seni mereka malah mereka turut dapat berkongsi minat dan kreativiti mereka.



LAKARAN ruangan khas bagi pelukis graffiti.

## KAYUHAN BAKAL MENGGEGARKAN PULAU PINANG

**GEORGE TOWN :** Acara berbasikal mengelilingi Pulau Pinang 'Campaign For Lane' 2011 bakal diadakan pada 11 September 2011 bertempat di Jalan Padang Kota Lama bermula jam 6.00 pagi. Acara berbasikal ini bakal meliputi kawasan seperti Jalan Padang Kota Lama, Persiaran Queensbay, Telok Kumbar, Balik Pulau, Telok Bahang, Tanjung Bungah, dan Persiran Gurney. Dijangkakan lebih 3,000 pengayuh dalam dan luar negara bakal menyertai acara berbasikal terbesar yang bakal dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Acara berbasikal ini adalah anjuran Kelab Rotary Tanjung Bungah bersama G Club Cyclist dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan ditaja oleh CIMB Bank Berhad.

Penganjuran acara berbasikal ini bertujuan memberi kesedaran tentang kebaikan berbasikal dari segi kesihatan jantung dan juga mengadakan satu laluan berbasikal yang selamat di Pulau Pinang. Sebanyak 350 papan tanda laluan berbasikal telah dipasangkan dan sebanyak 250 papan tanda lagi akan dipasang menjelang acara tersebut.

Tarikh permohonan bagi penyertaan bermula pada 23 April 2011 sehingga 11 Julai 2011. Untuk sebarang keterangan lanjut sila layari laman sesawang <http://www.gclub.com.my>.



## BAHAGIAN PERLESENAN MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG (MPPP)

### Jenis Aktiviti Yang Memerlukan Lesen

1. Premis makanan
2. Perniagaan atau perindustrian
3. Rumah urut
4. Kandang lembu/kuda
5. Memelihara khinzir
6. Pasar persendirian
7. Tempat letak kereta persendirian
8. Iklan
9. Iklan sementara (kain rentang/sepaduk)
10. Garaj
11. Tempat hiburan awam
12. Penjaja
13. Gerai jalan awam/ gerai tanah swasta

### 14. Gerai bermusim

15. Kenderaan tanpa motor
16. Pusat penjagaan haiwan
17. Perniagaan kecil
18. Beca awam
19. Gerai pasar, tapak penjaja sementara
20. Kilang/industri
21. Perhotelan

### Cara Memohon Lesen Untuk Pelbagai Perniagaan

1. Dapatkan borang permohonan (Borang Komposit) di kaunter Bahagian Perlesenan (BP).
2. Isikan borang lengkap dengan sertakan dokumen yang

diperlukan.

3. Kemukakan borang di BP dan surat akuan terima akan dihantarkan kepada pemohon.
4. Pegawai-pegawai Majlis akan membuat pemeriksaan di premis mengikut permohonan anda.
5. Pemohon akan dihubungi melalui surat sama ada permohonan diluluskan atau ditolak sebelum sebarang surat pengeluaran lesen disahkan.

### Cara Membuat Lesen Untuk Penjaja dan Gerai

1. Dapatkan borang di kaunter Jabatan Perlesenan (JP).
2. Isikan borang lengkap

dengan sertakan dokumen yang diperlukan.

3. Kemukakan borang di JP dan kad akuan terima akan dihantarkan kepada pemohon.
4. Untuk gerai pasar, tapak penjaja sementara dan kompleks majlis, pemohon akan dipanggil untuk temuduga apabila terdapat kekosongan gerai.
5. Untuk penjaja (statik/beredar), pegawai-pegawai Majlis akan membuat pemeriksaan ke atas tapak lokasi mengikut permohonan.
6. Pemohon akan dihubungi melalui surat berkenaan keputusan permohonan.

## RAYUAN BANTUAN KEWANGAN WARGA EMAS



**QUAH Seang Teik (kiri) di samping isterinya, Teh Eng Choo di rumah Orang-orang Tua Guang Ren Leisure di sini.**

**SEBERANG JAYA :** Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Hati dan jiwa kita pasti meruntun apabila melihat ada individu yang sedang menderita dek penyakit yang sukar untuk diubati.

Bagaimana pula perasaan kita jika individu tersebut ialah keluarga terdekat kita sendiri. Sudah pasti kita akan berusaha untuk membantu sedaya boleh bagi mengurangkan beban yang dialami.

Bagi seorang warga emas, Quah Seang Teik, 70-an, ketabahan beliau menjaga isteri, Teh Eng Choo, 60-an, yang sedang menderita strok selama hampir lima tahun amat menyentuh perasaan. Pelbagai usaha telah dilakukan namun

penyakit isteri kesayangannya masih belum pulih jua.

Bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga, mereka terpaksa menjual rumah bagi menampung kos perubatan kini sudah menjangkau RM150,000.00. Malah, wang simpanan mereka juga sudah habis digunakan.

Kini, isterinya ditempatkan di rumah Orang-orang Tua Guang Ren Leisure, Mak Mandin dengan bayaran sebanyak RM700.00 sebulan tidak termasuk kos makanan harian, ubat-ubatan dan lampin pakai buang yang menelan belanja hampir RM1500.00 sebulan.

Di samping itu, rawatan tradisional juga digunakan untuk mengurut kaki isterinya yang berharga RM50 sekali urutan. Apabila dihitung, kos untuk rawatan tradisional ini memakan belanja hampir RM1,000.00 sebulan. Mereka sudah tidak mampu untuk menanggungnya.

Bantuan orang ramai sangat diperlukan ketika ini bagi meringankan beban kewangan yang dihadapi mereka.

Sumbangan boleh diberikan terus kepada Quah Seang Teik di alamat **Blok D2-516B, Lorong Tuna, 13700 Seberang Jaya** atau beliau juga boleh dihubungi di talian **012-4980320**.

## GERAK KERJA BERSAMA RAKYAT SPS

**SEBERANG PERAI :** Program Gerak Kerja Bersama Rakyat, Seberang Perai Selatan (SPS) buat julung kalinya diadakan dengan kerjasama dari agensi-agensi dan jabatan kerajaan serta melibatkan seluruh Jawatankuasa Kemajuan



**MOHD. KAMIL ABU BAKAR menggantikan jendela yang telah usang.**

dan Keselamatan Kampung dan Komuniti (JKKK) SPS.

Pengisian program selama sehari ini termasuklah gotong-royong yang diadakan di perkarangan Masjid Simpang Tiga. Gotong-royong yang mendapat sambutan ramai ini bukan sahaja

mampu menjalin ukhuwah malah mampu membendung pembiakan dan penularan demam denggi.

Selain gotong-royong, pada hari tersebut juga turut diadakan tazkirah dan bacaan al-Quran oleh Haji Fahmi Abu Bakar serta pameran oleh agensi-agensi kerajaan di Dewan JKKK Simpang Tiga.

Jamuan rakyat yang diadakan pada sebelah tengahari telah berjaya mengumpul lebih 500 penduduk Kampung Simpang Tiga. Dalam pada itu, ahli JKKK Simpang Tiga bersama-sama penduduk kampung membaik pulih rumah yang daif dan kerjasama yang diberikan amat memberangsangkan.

Program Gerak Kerja Bersama Rakyat SPS ini dirasmikan oleh Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Sungai Aceh, Mohd. Kamil Abu Bakar. Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Y.B Makhtar Shafie.

## PANTAI KUALA MUDA KEMBALI CERIA



**ROSIDI Hussain (kanan) membantu salah seorang penduduk mengangkat bakul berisi sampah yang dikutip di sekitar pantai Kuala Muda.**

**KUALA MUDA :** Program membersihkan pantai Kuala Muda telah dianjurkan oleh Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Abdul Latiff Abdullah dengan kerjasama Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Penaga, Rosidi Hussain dan penduduk Taman Kuala Muda baru-baru ini, di sini.

Program membersihkan pantai tersebut adalah sebahagian daripada perancangan jangka panjang MPSP dalam kempen Kerajaan

Negeri 'Cleaner, Greener Penang' bagi memastikan Pulau Pinang lebih hijau dan indah.

Hadir sama, pasangan suami isteri yang pakar dalam pengurusan bahan sisa buangan iaitu Don, 72, dan isteri Mylene, 68, serta Pegawai Penerangan Pejabat Ketua Menteri, Mohd. Anuar Hashim yang turut meluangkan masa menyampaikan taklimat ringkas berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan pesisir pantai serta pengurusan bahan sisa buangan.



**PEMBERSIHAN pantai seharusnya dijadikan aktiviti berkala bagi memastikan pantai dipelihara dengan sewajarnya.**

## KONSERT GALA PRO MUSICA 2011 BAKAL JANJIKAN KELAINAN

**GEORGE TOWN :** Konsert Gala Pro Musica 2011 merupakan salah satu agenda dalam kalender pelancongan negeri Pulau

Pinang tahun ini, bakal menampilkan beberapa penyanyi hebat di peringkat antarabangsa. Pinang tahun ini, bakal menampilkan beberapa penyanyi hebat di peringkat antarabangsa.

**JULIE Mossay** Antaranya Julie Mossay dari Belgium, Enrico Casari dari Itali, Kittinant

Chinsamran dari Thailand dan Hein Boterberg dari Belgium.

**ENRICO Casari** Konsert Gala yang akan diadakan pada 17 Julai 2011 bertempat di Dewan Sri Pinang bakal menzahirkan hasil karya pemuzik terkenal seperti Handel, Mozart, Bellini, Donizetti, Bizet, Delibes dan Rossini.

Dalam pada itu, antara 8 Julai sehingga 14 Julai, sebuah bengkel muzik akan diadakan di Hotel Bellevue, Bukit Bendera. Bengkel "International

**KITTINANT Chinsamran** Workshop & Master Class for Vocal Training & Opera" itu bakal diselia oleh Loh



Siew Tuan, salah seorang guru suara terkemuka kelahiran Pulau Pinang, di samping beberapa guru berpengalaman dalam bidang muzik seperti Ronny Lauwers, Benoit de Leersnyder dan Hein Boterberg.

**Untuk maklumat lanjut sila layari <http://www.georgetownfestival.com> atau ke pejabat urusetia di 90 Armenian Street, 10200**

## PELAJAR CEMERLANG TONGGAK KEMAJUAN NEGARA



**ABDUL HALIM HUSSAIN** (berdiri) menyampaikan ucapan di Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2010 bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Bahang baru-baru ini.

**TELUK BAHANG** : Negara sedang mengorak langkah mencapai kemajuan dari segi ekonomi, meningkatkan taraf hidup dan perpaduan berbilang kaum selaras dengan negara-negara maju yang lain.

Bagi mencapai matlamat

tersebut, pelapis-pelapis muda kini harus mengambil sikap positif dengan mengutamakan pelajaran dan disiplin diri kerana itulah penyumbang utama kepada nasib masa depan negara kelak.

Sebagai permulaan untuk melestarikan impian ini, seramai 45 pelajar telah diraikan dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2010 bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Bahang baru-baru ini.

Majlis anjuran DUN Teluk Bahang dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan dan Komuniti (JKKK) DUN Teluk Bahang tersebut berjaya mengumpulkan hampir kesemua pelajar cemerlang beserta ibu bapa bagi meraikan kejayaan anak-anak pelapis muda negara.

Menurut Speaker DUN Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain, setiap kejayaan yang ingin dicapai

harus mempunyai disiplin tinggi dan membuang tabiat saat-saat akhir serta bijak menyusun atur masa sama ada untuk riadah maupun waktu belajar.

"Pembelajaran melalui teknologi terkini atau portal pendidikan merupakan salah satu cara untuk memperoleh ilmu di zaman moden sekarang. Pelajar juga perlu mengamalkan sistem pembacaan yang sistematik seperti membaca buku didikan kekeluargaan yang berkualiti. Ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar mendisiplinkan diri dan menanam sifat-sifat positif dalam diri mereka," katanya ketika memberi ucapan di majlis anugerah tersebut.

Setiap pelajar cemerlang diberi sijil penghargaan dan hamper berupa alat tulis yang disampaikan oleh Abdul Halim diiringi Pegawai Penyelaras DUN Telok Bahang, Mohamed Shawal Ahmed.

## BIG WALK-ISLAND GLADES - RIADAH SIHAT SERI DELIMA

**SERI DELIMA** : Bagi melahirkan penduduk sihat dan cergas, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima telah mengambil inisiatif khas untuk menganjurkan program tahunan 'Big Walk-Island Glades' di sini.

Penyertaan aktif termasuk sumbangan makanan dan hadiah bagi menjayakan program tersebut merupakan salah satu keutamaan ADUN Seri Delima, R.Sanisvara Nethaji Rayer.

Selain dapat meningkatkan tahap kesihatan masyarakat setempat, secara tidak langsung, aktiviti sebegini turut memberi peluang kepada beliau untuk bergaul, beramah mesra serta berkongsi pendapat bagi menambahbaik kemudahan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).



R.Sanisvara Nethaji Rayer (bertopi) menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta program 'Big Walk-Island Glades' di sini baru-baru ini.

## KOPERASI PERLU MAINKAN PERANAN LEBIH BESAR

**GEORGE TOWN** : Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap supaya koperasi di negeri ini dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam menjana pendapatan ahli koperasi dan sekaligus menambah kekuatan ekonomi Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, gerakan koperasi di Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang positif dari tahun ke tahun. Ini jelas terbukti iaitu dalam tempoh lima tahun dari 2005 hingga 2009, bilangan koperasi telah meningkat secara purata 9.4% setahun, keanggotaan 4.7%, modal syer 8.2%, aset 20.8% dan perolehan 17% setahun.

"Dari segi perangkaan pula, pada tahun 2009, terdapat 7,215 koperasi yang berdaftar di Malaysia dengan keanggotaan seramai 6.78 juta orang, modal syer berjumlah RM8.97 billion dan aset bernilai RM65 billion. Melalui sumber dan kekuatan kewangan ini, koperasi telah menjana perolehan berjumlah RM8.92 billion bagi tahun 2009. Di Pulau Pinang, sebanyak 459 buah koperasi telah didaftarkan pada tahun yang sama dengan jumlah aset sebanyak RM1.04 billion. Ini menunjukkan Pulau Pinang menyumbangkan 6.36% daripada jumlah pendaftaran koperasi berbanding Malaysia.

"Senario ini memperlihatkan bahawa koperasi mempunyai potensi besar untuk berdaya saing pada masa-masa mendatang," katanya ketika merasmikan 'Kursus Pengurusan Kewangan Untuk Koperasi' di sini baru-baru ini.

Kursus sehari yang dianjurkan bersama dengan ANGKASA itu telah berjaya menghimpunkan peserta seramai 50 orang

yang terdiri daripada anggota-anggota koperasi di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Mansor turut menyeru koperasi di negeri ini agar membentuk satu pakatan yang strategik dengan penggabungan koperasi dalam bidang-bidang utama.

"Pakatan strategik juga dilihat telah menjadi batu loncatan kepada penggabungan dan kewujudan serta pertumbuhan koperasi menengah yang lebih kukuh dan berjaya. Pada masa sama, koperasi-koperasi JKKK yang baru ditubuhkan di negeri ini juga perlu mewujudkan satu gabungan koperasi yang kukuh bagi memantapkan koperasi-koperasi ini," tegasnya.

Pada masa sama, Mansor juga berharap agar koperasi di Pulau Pinang dapat memberikan komitmen yang tinggi untuk menjayakan usaha bagi menghakim imej di mana koperasi dilihat sebagai satu institusi yang 'socially strong' tetapi 'economically weak'.

## GANDING BAHU CAPAI STATUS NEGERI BERTARAF ANTARABANGSA

sebagai negeri bertaraf antarabangsa.

Timbalan Ketua Menteri I yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Datuk Mansor Othman berkata bahawa kemajuan dan kejayaan Pulau Pinang sebenarnya bergantung kepada perubahan pemikiran rakyat.

"Justeru, Kerajaan Negeri dan rakyat perlu bersama berganding bahu dalam mencapai misi tersebut," katanya pada Program Gerak Kerja Bersama Rakyat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di perkarian Masjid Taman Guar Perahu di sini baru-baru ini.

Program yang padat dengan pengisian itu telah melibatkan keseluruhan penduduk Penanti. Lebih menarik lagi, program ini juga turut melibatkan 30 orang mahasiswa dari institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang turut bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar.

**MANSOR Othman** (kiri sekali) bersama ahli jawatankuasa pengangur menanam pokok sebagai simbolik perasmian Program Gerak Kerja Bersama Rakyat Daerah SPT di sini baru-baru ini.

**BATU UBAN** : Semua pihak perlu bersama berganding bahu bersama Kerajaan Negeri dalam usaha menjadikan Pulau Pinang



MANSOR Othman sedang mengacat salah sebuah rumah bersemepena Program Gerak Kerja Bersama Rakyat Daerah SPT.